قليتا بروني
Pelita Brunei
AKHBAR RASMI KERAJAAN BRUNEI
DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU
TAHUN 29 BILANGAN 51 | RABU 19 DISEMBER, 1984. | رابو 25 ربيع‌الاول 1405 | PERCUMA

# KEBAWAH D.Y.M.M. BERANGKAT MELAWAT NEGARA TIMUR TENGAH



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia bersalaman dengan diplomat asing di negara ini yang hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas, Brunei untuk mengucapkan selamat berangkat kepada Baginda dan rombongan.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Muizzaddien Waddaulah, Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam binti Haji Abdul Aziz kini sedang dalam rangka lawatan negara ke tiga buah negara di Timur Tengah. Negara-negara yang akan dilawati oleh Baginda ialah Oman, Jordan dan Mesir.

Berangkat sama menyertai rombongan ialah kerabat Diraja.

Berangkat ke Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas bagi mengucapkan selamat berangkat kepada rombongan Baginda pada hari Sabtu lalu ialah Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien, Menteri Pertahanan; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan lain-lain kerabat Diraja.

Juga berada di Lapangan Terbang Antarabangsa ialah pembesar-pembesar negara dan para diplomat asing.

Sebelum keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia itu, doa selamat telah dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Abdul Hamid bin Bakal.

Menurut laporan Awang Timbang Bakar yang bertugas membuat liputan di Oman, keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan rombongan di Lapangan Terbang Seeb pada 15 Disember yang lalu telah dialu-alukan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Qaboos bin Said.

Sejurus selepas keberangkatan tiba Baginda, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah diperkenalkan kepada Menteri-Menteri Kabinet Oman sebelum menerima tabik kehormatan yang terdiri dari 100 orang anggota Brigade Pengawal Diraja. Baginda kemudian diperkenalkan kepada para diplomat asing di negara tersebut.

Sementara Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam pula turut dialu-alukan oleh isteri-isteri kerabat Diraja dan isteri Menteri-Menteri Kabinet Oman.

Setelah memeriksa perbarisan kehormatan, Baginda telah diperkenalkan kepada kerabat-kerabat Diraja Kesultanan Oman, pegawai-pegawai kanan dan para diplomat asing di negara tersebut. Kemudian Duli Yang Maha Mulia Sultan Qaboos diperkenalkan pula kepada ahli-ahli rombongan Diraja Brunei Darussalam.

Dari lapangan terbang, Baginda dan rombongan berangkat ke Istana Al-Alam di mana Baginda bersemayam.

Acara lawatan pada hari itu dimulakan dengan pertukaran Bintang-Bintang Kebesaran, di mana Duli

Lihat muka 16



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam berangkat tiba di Lapangan Terbang Seeb, Muscat.



DULI Yang Maha Mulia Sultan Qaboos bin Said menganugerahkan Bintang Order of Oman Darjah Pertama kepada Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.

## Campurtangan asing di Kampuchea ancam keamanan rantau ini

BANDAR SERI BEGAWAN. Campurtangan tentera luar diKampuchea serta pendudukan berterusan di negara itu oleh kuasa-kuasa luar bukan saja meningkatkan ketegangan tetapi juga merupakan ancaman buruk kepada keamanan dan kemantapan di rantau ini.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Negara Brunei Darussalam ketika bersabda di Majlis Makan Malam meraikan Menteri Luar Negeri Republik Korea, Tuan Yang Terutama Won-Kyung Lee di Istana Edinburgh malam Ahad minggu lalu menambah, negara-negara ASEAN mengambil berat kekacauan itu yang secara langsung melibatkan pelaksanaan konsep ZOPFAN.

"Kami amat bimbang jika kekacauan di Kampuchea tidak diselesaikan dengan segera, akan timbul pula bahaya yang kekacauan itu mungkin merebak ke negara-negara lain di Asia

Lihat muka 16

## Pendaftaran no. kenderaan akan dilakukan secara tawaran

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kementerian Perhubungan melalui Jabatan Pengangkutan Darat telah memperkenalkan sistem tawaran nombor-nombor pendaftaran kenderaan bermotor.

Sistem yang mula dikuatkuasa pada 15 Disember yang lalu itu adalah satu usaha untuk mengemaskinikan pentadbiran dalam pemberian nombor-nombor pendaftaran kereta atau lain-lain jenis kenderaan bermotor.

Di samping itu juga sistem tersebut adalah bertujuan bagi mengelakkan tuduhan yang kurang wajar dari orang ramai terhadap pegawai-pegawai dan kakitangan di jabatan tersebut.

Di bawah sistem baru itu pemberian nombor-nombor 2 hingga 100, nombor-nombor yang berganding dan nombor yang berkembar berturut-turut serta nombor-nombor lain yang diinginkan akan dikendalikan secara tender atau tawaran.

Oleh itu orang ramai yang berkeinginan untuk mendapatkan nombor-nombor pendaftaran seperti yang disenaraikan di bawah ini adalah dipelawa mengemukakan tawaran.

Lihat muka 2

### MANISNYA IMAN

"HAI manusia! Sesungguhnya engkau hendaklah bekerja keras menuju kepada Tuhanmu, kemudian kamu akan menemui-Nya." — Makna ayat 6 Surah Insyiqah.

Pelita Brunei
AKHBAR RASMI KERAJAAN BRUNEI
DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

19 DISEMBER, 1984

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

## SERUAN SUPAYA SEMUA PIHAK MEMELIHARA NEGARA

NEGARA kita pada masa ini, seperti yang disebutkan dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan sempena Maulud Nabi baru-baru ini adalah sentiasa berhadapan dengan masalah antarabangsa yang membabitkan kehidupannya secara fizikal dan moral. Menurut Baginda, di antara masalah itu ada yang mengandungi anasir-anasir yang tidak sihat yang jika tidak dikawal dan dijaga atau disedari boleh menimbulkan kesan timbal-balik yang kurang menyenangi sama ada di masa ini atau di masa yang akan datang.

Perlu dinyatakan kedudukan yang sedemikian itu ialah kerana kita sudah mengambil alih sepenuhnya tanggungjawab antarabangsa, dan negara kita telah muncul menjadi sebahagian daripada negara-negara dunia dalam ertikata mempunyai perhubungannya yang luas dengan negara-negara asing. Dalam perhubungan yang sedemikian itu kita sepenuhnya bertanggungjawab ke atas kesan-kesannya.

Kerana itulah titah Baginda dalam sempena Maulud baru-baru ini menyerukan supaya kita hendaklah sentiasa berwaspada dan berpegang teguh dengan ajaran-ajaran ugama kita. Dapat difahamkan kewaspadaan yang diperlukan ialah dalam bentuk berhati-hati dan teliti dalam menempuh pengalaman baharu sehubung dengan perkembangan negara kita yang merdeka di mana kita dan negara kita berhadapan dengan berbagai anasir yang bersifat antarabangsa. Perhatian kita hendaklah sentiasa pada memelihara kepentingan-kepentingan kita khasnya menentukan apa jua anasir tidak akan menggugat dan seterusnya merosakkan keadaan yang selama ini kita nikmati menerusi cara hidup kita yang taat berugama, beraja serta mencintai kehidupan yang sejahtera dan berperaturan.

Sesungguhnya memanglah sebagai bangsa yang merdeka kita terpaksa berhadapan dengan berbagai anasir antarabangsa. Itulah namanya cabaran kemerdekaan. Tambahan pula bagi negara yang kecil seperti negara kita, cabaran pada memelihara kepentingan serta muslihat kita yang sebenar-benarnya sangatlah perlu diinsafi oleh segenap lapisan dalam negara. Dan khusus bagi negara kita yang kecil yang mempunyai kepentingan untuk mempertahankan corak dan isi kenegaraan yang turun-temurun sebagai sebuah Negara Melayu Islam Beraja maka sudah barang tentu segala tindak-tanduk kita hendaklah sentiasa sejajar dengan konsep kenegaraan kita itu dan bahkan sentiasa bertujuan memeliharanya. Maka kita sangat menyanjung tinggi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang mengingatkan supaya semua pihak perlu mengambil langkah positif dan segera, mengawal dan memelihara negara ini dari anasir-anasir yang bertujuan melemahkan ke arah pencapaian dan penghayatan sempurna konsep Negara Melayu Islam Beraja itu.

Satu perkara yang penting disedari ialah kita dalam mencapai semula kemerdekaan telah berhasil menentukan kepentingan-kepentingan kita yang sebenar. Kita tidak terpengaruh untuk menerima perubahan ke atas aspek-aspek penting kenegaraan kita sehinggalah akhirnya kita muncul dan mengisytiharkan kemerdekaan bukan saja dalam ertikata kembali semula berdaulat sebagai sebuah negara yang merdeka bahkan kemerdekaan itu bagi kita adalah suatu proses dalam meneruskan serta mengesahkan ciri-ciri yang terpenting kenegaraan kita yang turun-temurun. Pengalaman kita ini memperjelaskan lagi kedudukan kita yang unik di kalangan antarabangsa. Sebahagiannya dapat dikatakan bahawa kemerdekaan kita benar-benar menepati kedaulatan kita. Sebab itulah kita dengan lantang mengisbatkannya bahawa Brunei Darussalam adalah, insya-Allah akan kekal sebagai sebuah Negara Melayu Islam Beraja, dan sendinya ialah ajaran ugama Islam menurut Mazhab ahli Sunnah Wal-jamaah.

Tentunya kita sama sekali tidak meniatkan corak dan isi kenegaraan kita yang sedemikian itu untuk bersaing dengan mana-mana negara baik pun yang jauh apa lagi yang dekat. Ini telah kita perjelaskan menerusi Pemasyhuran kemerdekaan yang mana negara kita yang sedemikian itu adalah akan sentiasa berusaha pada memelihara perhubungan persahabatan di kalangan negara-negara antarabangsa secara persefahaman dan hormat-menghormati yang bebas dari campurtangan terhadap keutuhan wilayah serta hal-ehwal negara masing-masing. Dalam hubungan ini maka kewaspadaan kita terhadap anasir-anasir dalam pengalaman baharu sebagai bangsa yang merdeka adalah dengan cara menghalang sebarang anasir yang tidak sihat daripada melemahkan pencapaian dan penghayatan sempurna konsep Negara Melayu Islam Beraja yang telah turun-temurun dipertahankan. Tentulah pada zaman ini usaha mempertahankannya itu merupakan cabaran utama yang mesti disambut dengan bijak oleh generasi kita sekarang.

Maka menyambut cabaran untuk menghalang sebarang anasir yang boleh melemahkan pencapaian dan penghayatan sempurna konsep kenegaraan kita itu adalah dengan sendirinya menepati makna memelihara negara. Jika kita meniatkannya untuk tujuan-tujuan bernegara secara yang diredai oleh Allah Subhanahu Wataala, insya-Allah kita akan mendapat kekuatan mengatasi sebarang cabaran terhadapnya.



PENGARAH Penerangan, YDM Pehin Udana Khatib Ustaz Awang Haji Badaruddin menerima hadiah cenderamata yang berupa sebuah kitab suci Al-Quran dari Drs H. Ahmad (atas) sementara gambar bawah pelawat-pelawat tersebut mendengar penerangan Pengarah Penerangan mengenai dengan perkembangan Negara Brunei selepas merdeka.



## Jabatan Penerangan menerima pelawat dari Indonesia

BANDAR SERI BEGAWAN. — Serombongan dari Pejabat Tinggi Jabatan Agama Republik Indonesia mengadakan lawatan ke Jabatan Penerangan Kementerian Belia dan Sukan pada Rabu lepas.

Dalam lawatan selama lebih satu jam itu, pelawat-pelawat dari Indonesia itu telah berkesempatan mendengarkan taklimat berkenaan dengan struktur Pentadbiran Kerajaan serta susunan pentadbiran menerusi Kementerian oleh Pengarah Penerangan YDM Pehin Udana Khatib Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman. Di akhir lawatan itu kedua pihak bertukar-tukar cenderamata.

Rombongan lima orang yang diketuai oleh Drs. H. Ahmad Lujito, Kepala Badan Peneliti dan Pengembangan Jabatan Agama Republik Indonesia itu adalah dalam rangka lawatan selama tiga hari ke negara ini. Semasa berada di sini mereka telah mengadakan pertemuan dan bertukar fikiran dengan pemimpin-pemimpin dan tokoh-tokoh ugama serta meninjau sekolah-sekolah ugama di negara ini.

Selain dari itu lawatan mereka itu adalah bertujuan untuk mengundang Negara Brunei Darussalam bagi menghadiri 'The Seventh Seminar on Religion as A Field of Study and Research, yang akan berlangsung di Jakarta pada bulan Februari yang akan datang dan juga akan dihadiri oleh negara-negara anggota ASEAN.

## SIKAP 'SI PUGUT' PENYAKIT LAMA YANG BELUM TERUBAT

Oleh: Abd Karim HAB

BANDAR SERI BEGAWAN. — Rakyat dan penduduk negara ini diseru membuat usaha-usaha berpatutan bagi menjamin kesempurnaan kemudahan yang dibekalkan kepada mereka.

Menteri Pelajaran dan Kesihatan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz berkata, kemudahan-kemudahan yang disediakan untuk orang ramai termasuk sekolah-sekolah adalah antara sasaran perbuatan 'Si Pugut', penyakit lama yang belum terubat secara menyeluruh.

"Hal ini adalah amat menyedihkan dan sudah lebih dari patut supaya kawalan-kawalan dilaksanakan dengan sebaik-baiknya," katanya ketika berucap di majlis pengisytiharan nama baru Sekolah Menengah Sungai Kebun dan Perasmian Sekolah Menengah Awang Semaun pada pagi Khamis lalu.

Kemudahan-kemudahan seperti bangunan sekolah baru itu, katanya umpama harta yang diamanahkan kepada mereka.

"Khusus bagi penduduk di sekitar Kampong Ayer yang juga menerima bekalan kemudahan seperti bangunan-bangunan sekolah di mana anak-anak mereka belajar, menuntut ilmu dan bakal harapan hari esok, haruslah dengan aktif melaksanakan sebarang usaha menjamin kesempurnaannya kerana kemudahan-kemudahan itu adalah umpama harta yang disempurnakan kepada mereka," katanya.

Menurutnya, mereka tidak patut 'balapas tangan' kerana merekalah yang lebih dekat dan pengguna kepada kemudahan itu sendiri.

"Buruk baik bangunan ini yang mulai merasai ialah anak-anak sekitar kampung ini sendiri. Sebarang kecacatan akan sebanyak sedikit menjejaskan pelajaran anak-anak biskita semua. Maka untuk ini, saya minta abis kita sama-sama memikirkannya jangan sampai timbul ristaan-ristaan yang kurang menyenangkan dikemudian hari kelak," ujarnya.

Seterusnya Menteri Pelajaran dan Kesihatan atas perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam mengisytiharkan Sekolah Menengah Sungai Kebun itu dinamai Sekolah Menengah Awang Semaun.

"Ini adalah satu pahatan terhadap ciri-ciri yang diceritakan mengenai Awang Semaun yang dinukil bukan saja gagah perkasa tetapi taat setia lagi jujur melaksanakan perintah dan dikatakan sama-sama berperanan sepakat dan sesuara dengan Awang Alak Betatar dengan Patih Berabai dan Awang Jerambak dalam mengembalingkan Empayar Brunei Tua," ujarnya.

## Pendaftaran nombor kenderaan bermotor

Dari muka 1

Bilangan pendaftaran yang akan ditawarkan ialah seperti berikut: —

| | | | |
|---|---|---|---|
| BH 2 – | BH 282 | BH 262 | BH 444 |
| BH 100 | BH 288 | BH 266 | BH 450 |
| BH 101 | BH 292 | BH 268 | BH 499 |
| BH 111 | BH 299 | BH 280 | BH 500 |
| BH 121 | BH 300 | | |
| BH 123 | BH 303 | | |
| BH 131 | BH 311 | | |
| BH 133 | BH 313 | | |
| BH 151 | BH 316 | | |
| BH 155 | BH 318 | | |
| BH 161 | BH 320 | | |
| BH 166 | BH 323 | | |
| BH 168 | BH 333 | | |
| BH 177 | BH 350 | | |
| BH 181 | BH 363 | | |
| BH 188 | BH 366 | | |
| BH 191 | BH 373 | | |
| BH 199 | BH 383 | | |
| BH 200 | BH 388 | | |
| BH 202 | BH 393 | | |
| BH 212 | BH 399 | | |
| BH 222 | BH 400 | | |
| BH 232 | BH 404 | | |
| BH 233 | BH 414 | | |
| BH 252 | BH 424 | | |
| BH 255 | BH 434 | | |

Tawaran bagi setiap nombor pendaftaran hendaklah tidak kurang dari $100.00. Pemohon-pemohon yang mengemukakan tawaran yang kurang dari itu adalah dianggap batal.

Di samping itu penawar-penawar juga dikehendaki membayar wang perkhidmatan sebanyak $25.00 bagi setiap pemohon. Wang ini tidak akan dikembalikan kepada pemohon sama ada tawaran mereka berjaya atau tidak dan akan dikira sebagai hasil Kerajaan.

Nombor-nombor pendaftaran yang ditawarkan akan diiklankan di Papan Kenyataan Jabatan Pengangkutan Darat, Jalan Gadong dan Papan Kenyataan Jabatan Pengangkutan Darat Kuala Belait.

Borang-borang tawaran boleh didapati dari Jabatan berkenaan.



MENTERI Pelajaran dan Kesihatan sedang menyampaikan hadiah kepada salah seorang pelajar terbaik di majlis itu.

# PENUNTUT 'LUTANAN' AKAN DIBERI PENGHARGAAN

Oleh: Abd Karim HAB

JALAN MUARA. — Kementerian Pelajaran dan Kesihatan kini menyediakan pelbagai langkah bagi memberikan penghargaan dan ganjaran baik kepada semua penuntut yang 'lutanan' di bidang pelajaran serta berpegang teguh kepada kehidupan penuh susila dan disiplin.

Menteri Pelajaran dan Kesihatan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz ketika menyatakan perkara itu menjelaskan, penuntut-penuntut berdisiplin akan terus diberi perhatian yang tinggi.

Katanya, itu adalah salah satu matlamat merekodkan penyertaan penuntut-penuntut dalam kegiatan tambahan atau kegiatan luar.

"Barang diingati, dengan sistem merekodkan ini kita adalah serius untuk mengasuh para penuntut berdasarkan keupayaan yang ada agar mereka menjadi manusia sempurna dan patut diberi penghargaan," tegasnya.

Menurutnya, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan juga mengambil perhatian serius terhadap pelajar-pelajar yang sengaja tidak mengindahkan peraturan sekolah, tidak peduli peraturan asrama, tidak menghiraukan peraturan di bilik-bilik darjah atau penuntut-penuntut yang sengaja membuat keolahan yang bertentangan dengan kehendak disiplin dan asuhan yang ingin dituju.

Berucap di Majlis Penyampaian Hadiah dan Sijil kepada Pelajar-Pelajar Terbaik Sekolah Bangunan Sultan Saiful Rijal dan Pusat Latihan Teknikal Brunei pada pagi Rabu lalu, Yang Dimuliakan Pehin menekankan bahawa Kementerian Pelajaran dan Kesihatan tidak akan teragak-agak mengambil tindakan kepada penuntut-penuntut yang mengancam keselamatan guru-guru, kakitangan yang bertugas menjalankan peraturan di sekolah bahkan penuntut-penuntut yang boleh merugikan kepentingan masyarakat akan tetap dikenakan hukuman yang setimpal dengan keolahan mereka yang tidak berdisplin.

Katanya, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan bukanlah suatu pihak yang gemar mencari kesalahan dan menjatuhkan hukuman, sebab tugas di bidang pendidikan sesungguhnya adalah dengan maksud mencari dan menumbuhkan kebaikan serta mengelakkan keburukan, akan tetapi sikap itu hendaknya janganlah dianggap bahawa pihak Kementerian akan berdiam diri terhadap apa jua keolahan dan kelakuan yang boleh melemahkan cita-cita pendidikan di seluruh negara yang pada asasnya untuk kesempurnaan para penuntut di dunia dan di akhirat.

"Atas keyakinan ini maruah serta keselamatan kaum guru adalah menjadi tanggungjawab kita semua untuk memastikannya, kerana kita harus sedar sikap yang lemah pada mendokong guru-guru yang berdedikasi pada melaksanakan didikan budipekerti hanya akan melemahkan keseluruhan sistem pendidikan kita, dan kelemahan pada mengambil tindakan-tindakan yang tegas terhadap para penuntut yang sengaja tidak mahu menyesuaikan diri dengan kehendak peraturan hanya akan menggagalkan dan merugikan perkembangan dan pembangunan masyarakat serta negara," tegas Yang Dimuliakan Pehin.

Terdahulu dari itu, tegas Yang Dimuliakan Pehin mengingatkan para penuntut agar berwaspada dan beringat-ingat terhadap keolahan masing-masing dan tidak mudah terpengaruh terhadap elemen-elemen yang boleh menjejaskan pelajaran dan budi pekerti mereka.

Katanya, adalah jelas bagi Negara Brunei Darussalam, ketinggian pelajaran hanya akan sempurna dengan adanya budi pekerti yang tinggi.

Berhubung dengan bidang pengajian teknikal dan vokasional di negara ini, Yang Dimuliakan Pehin memberitahu, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan ketika ini meninjau pelbagai kemungkinan untuk meninggikan jurusan-jurusan berkenaan dan cuba mendapatkan 'lingkage' atau hubungan institusi luar negeri yang bercorak teknikal dan vokasional.

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Dimuliakan Menteri Pelajaran dan Kesihatan di majlis tersebut telah mengisytiharkan percantuman Sekolah Bangunan Sultan Saiful Rijal dan Pusat Latihan Teknikal Brunei. Mulai 1 Januari tahun depan ianya akan dikenali sebagai Maktab Teknikal Sultan Saiful Rijal.

Katanya percantuman itu dilakukan dengan maksud proses itu akhirnya akan membolehkan Negara Brunei Darussalam melihat jurusan pengajian teknikal dan vokasional tidak dianggap bidang pengajian yang rendah mutunya.

Seterusnya Yang Dimuliakan Pehin berkata dengan percantuman itu juga akan dapat mengikis segala fahaman bahawa jurusan sedemikian hanya sebagai pelarian bagi penuntut-penuntut yang kononnya dianggap rendah taraf akademik mereka.

# 29 orang penuntut terbaik menerima hadiah

JALAN MUARA. — Seramai 29 orang penuntut terbaik Sekolah Bangunan Sultan Saiful Rijal dan Pusat Latihan Teknikal Brunei dalam pelbagai bidang menerima hadiah pada hari Rabu lalu di Auditorium Sekolah Bangunan Sultan Saiful Rijal.

Menteri Pelajaran dan Kesihatan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz berkesudian menyampaikan hadiah.

Penuntut-penuntut terbaik Pusat Latihan Teknikal Brunei terdiri dari Awang Asmali Reduan dalam Business Educational Certificate, General Certificate, Dayang Kamariah Haji Ismail, BEC National Tahun Pertama dan Dayang Haslinda Dato Kifli Bujang Kursus Perkeranian.

Awang Ibrahim Haji Yassin, City and Guilds 824 Part I, Radio & TV Electronics Servicing; dan Awang Musa Metali, C & G Part II.

Awangku Sabli Pengiran Damit, Vehicles Body Repairing I (C & G 385), Awangku Yunos Pengiran Sulaiman, VBR II (C & G 385), Awangku Metussin Pengiran Haji Metali, Part I (T2) Telecomms Technician, Awang Abd Wahab Haji Kassim, C & G 803 Part I, Electrical Engineering Technician dan Dayang Mardiah Ismail, C & G 803 Part II EET.

Dayang Norain Abdul Karim, Aircraft Engineering Course (Phase I), Dayang Siti Norbaya Nawi, C & G 755 Science Laboratory Assistant; Awang Dunglah Haji Duraman, Construction Technician Certificate I C & G 626; Dayang Azizah Tuah, C & G 706 Cookery for Catering Industry; dan Awang Roslan Pangis, Basic Motor Mechanics.

Manakala penuntut terbaik Sekolah Bangunan Sultan Saiful Rijal pula ialah Awang Haji Mamit Haji Salleh Brickwork C & G 'H' 851; Awang Rusdi Osman, Brickwork C & G 'I' 851 Awang Chan Ming Hoi Brickwork Course 15 dan Awangku Hassan Pengiran Ismail, Brickwork Short Course Part Time.

Awang Hamdi Zulkifli, Carpentry & Joinery C & G 'I' 834; Awang Anuar Asmat, Carpentry & Joinery C & G Part Time 834; Awang Adanan Rosli, Carpentry & Joinery Short Course 9.

Dayang Jamaliah Haji Suhaili, Furniture C & G 'A' 836; dan Awang Mangai Bidin /Edin, Furniture C & G Part Time 836; Zulkiflee Md



AWANG Md. Noor Abd Ghani .....kekurangan tenaga tempatan menderongnya ikuti kursus.



DAYANG Azizah Tuah ......ingin lanjutkan pelajaran di bidang yang sama di seberang laut.

Jais, Painting & Decoration C & G 'F' 594 dan Dayang Jamilah Kamis, Painting & Decoration Short Course 6.

Haji Mohammad Haji Abd Hamid, Plumbing & Pipe-fitting C & G 'D' 832 dan Awang Md Noor Abd Ghani, Plumbing & Pipe Fitting Short course 4.

Awang Md Noor Abd Ghani, 18, penuntut terbaik Sekolah Bangunan Sultan Saiful Rijal dalam 'Plumbing & Pipe-fitting Short Course 4 memberitahu beliau ingin terus mengikuti kursus selanjutnya di bidang yang sama.

Katanya, beliau bercita-cita menceburi kerjaya tentera khusus dalam bidang berkenaan.

"Saya mengikuti kursus ini memandangkan kurangnya tenaga tempatan di bidang ini," jelasnya.

Bekas penuntut Sekolah Inggeris Berakas, Awang Md Noor berharap lebih ramai penuntut-penuntut akan mengikuti kursus itu.

Dayang Azizah Tuah, 21, penuntut terbaik 'Catering & Hotel Work' dari Pusat Latihan Teknikal Brunei bercita-cita melanjutkan pelajarannya di seberang laut di bidang berkenaan.

"Saya ingin melanjutkan pelajaran bulan September depan. Untuk sementara, saya akan mengikuti kursus teknikal yang diadakan dari bulan Januari hingga Jun," katanya.

Dayang Azizah berpendapat, kerjaya di bidang perhotelan dan penyeliaan makanan mempunyai prospek yang baik.

"Saya yakin dalam jangka lima atau sepuluh tahun akan datang, industri perhotelan akan berkembang pesat," katanya.

Walau bagaimanapun beliau kesal terdapat ibu-bapa yang berpandangan negatif terhadap kerja-kerja di hotel-hotel.

"Kebanyakan ibu bapa tidak menggalakkan anak-anak mereka bekerja di hotel-hotel sungguhpun prospek dalam bidang ini adalah cerah," ujarnya.

Dayang Azizah sebelum memasuki Pusat Latihan Teknikal dalam tahun 1982 adalah lulusan Tingkatan Lima Sekolah Inggeris Berakas.

"Mulanya saya mengikuti kursus ini hanya sebagai mengisi masa sementara menanti keputusan tetapi lama kelamaan minat mulai timbul dan sekarang ingin terus melanjutkan pelajaran, khusus di bidang ini," katanya.

# Penuntut lawat Jabatan Penerangan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seramai 23 orang penuntut-penuntut Pusat Tingkatan Enam telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Jabatan Penerangan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan pada Sabtu lepas.

Mereka telah dialu-alukan dengan ucapan dari Pegawai Penerangan, Awang Momin bin Ahmad. Ini diikuti pula dengan taklimat ringkas berkenaan dengan susunan pentadbiran dan tugas-tugas Jabatan Penerangan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan oleh Awang Yusuf bin Ladi.

Pertemuan ramah mesra yang diselajurkan dengan sesi soal-jawab bersama Pengarah Penerangan, YDM Pehin Udana Khatib Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman telah diadakan sebelum mengakhiri lawatan singkat pada pagi itu. Rombongan pelawat tersebut diketuai oleh Pensyarah Sulaiman bin Haji Duraman.

Sementara itu lawatan yang sama juga telah dilakukan oleh 25 pelajar-pelajar Sekolah Menengah Chung Ching Seria pada 10 Disember lepas.



PENUNTUT-penuntut dari Sekolah Menengah Chung Ching ketika meramah mesra dengan Pengarah Penerangan (atas) dan gambar bawah guru-guru dan penuntut sekolah tersebut ketika mendengar taklimat mengenai dengan susunan pentadbiran Jabatan Penerangan.



YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS... Siri ke-256

# TANDA-TANDA KECIL HARI KIAMAT



## (Sambungan)

**22) Orang Islam Menjadi Petani:**

Hadis yang diriwayatkan oleh Al-Imam At-Tabarani dalam Al-Kabir daripada sahabat Umamah Al-Ansar bahawa ia telah mendengar Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam sedang berkata: Ertinya: *"Tiadalah bangkit hari kiamat itu sehingga kamu balik semula jadi orang tani."*

Dengan sebab alat rekaan yang keluar zaman sekarang, maka banyaklah di antara umat Islam berladang, berkebun dengan berleluasa bagi mencari kehidupan dan eksport, sebab pertanian itu memang telah ada semenjak dunia ini ada. Tujuan Hadis ini memberi isyarat bahawa dengan adanya alat-alat rekaan pertanian itu, maka mudahlah bagi orang-orang bertani dengan membuka kebun-kebun yang luas-luas, yang tak dibuat pada masa-masa yang lalu dan mereka mendapat untung yang banyak dan orang-orang pun berlumba memasuki lapangan pertanian dan menjadi pak tani. Wallahuaklam yang mengetahui tujuan sabda Rasul-Nya itu.

**23) Banyak Gambar-gambar Masjid dan Menara Menjulang Ke Langit.**

Al-Imam Abu Nuaim dalam Al-Hilyiah meriwayatkan dari Hadis sahabat Huzaifah bin Al-Yaman telah berkata: Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam telah bersabda: Ertinya: *"Dari tanda-tanda hampir hari kiamat, berlakunya 72 perkara." Dan ia sebutkan Hadis itu yang ertinya: "Mushaf Quran dihiaskan, dan masjid-masjid digambarkan, dan menara-menara masjid-masjid dipanjangkan ke langit."*

Hadis ini mengkhabarkan orang-orang menggambarkan masjid-masjid dan gambar-gambar masjid itu dibeli dan disimpan dan digantung di rumah-rumah dan di kedai-kedai, jadi kita lihat gambar-gambar masjid, seperti Masjidilharam Mekah dan Madinah dan Baitulmaqdis dan dalam gambar-gambar itu kita lihat menara yang menjulang panjang ke langit.

**24) Salam Kepada Kenalan dan Masjid-Masjid Diruntuhkan:**

Al-Imam At-Tabarani dalam Al-Kabir meriwayatkan dari Hadis sahabat Ibnu Mas'ud telah berkata: Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam bersabda: Ertinya: *"Tiada bangkit hari kiamat sehingga orang memberi salam kepada orang yang dikenal, dan sehingga masjid-masjid itu menjadi jalan dan tiadalah lagi orang sujud kepada Allah pada tempat-tempat itu."*

Hadis ini mengisyaratkan pada meluaskan jalan raya dan merancang bandar dengan merobohkan rumah-rumah dan meruntuhkan masjid-masjid juga. Masjid-masjid itu diruntuhkan apabila ia merintangi jalan-jalan raya, dan digantikan dengan lain masjid dan barangkali tiada digantikan dengan masjid yang lain. Ini berlaku sebelum bangkit kiamat dan telah berlaku dan apabila masjid-masjid itu telah dijadikan jalan raya maka tiadalah dapat orang-orang sujud kepada Allah di tempat itu, sebab telah jadi jalan dan tiada di situ masjid lagi.

**25) Anak Bulan Mudah Nampak:**

Hadis yang diriwayatkan oleh Al-Imam-Al-Imam At-Tabarani dalam Al-Awsat dan Ad-Daraqutni dalam al Afrad dari Hadis sahabat Anas bin Malik berkata sabda Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam: Ertinya: *"Dari tanda-tanda hampir hari kiamat iaitu dilihat anak bulan dengan segera waktu masa ia sepatutnya timbul (Qabalan) sebagaimana kata Ibnu Al Athir dalam An-Nihayah. Erti ini dinukilkan oleh Al-Imam Al Qurtubi daripada al Harawi dan ia menambah dengan katanya: "Dan diterangkan makna hadis ini oleh hadis yang lain yang bererti: "Di antara tanda-tanda hampir hari kiamat ialah anak bulan besar dan orang mengatakan: "Aku melihat anak bulan dengan jelas."*

Hadis perkara besar anak bulan itu (Intifakhul Hilal), yang dia berbuat dalil itu telah datang dari dua jalan dari Hadis sahabat Abu Hurairah dan Hadis sahabat Ibnu Masaud.

Maka hadis Abu Hurairah yang diriwayatkan oleh Al-Imam At-Tabarani dalam Al-Saqhir dan lafaznya sabda Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam:

Ertinya: *"Dari tanda hampir hari kiamat iaitu besar anak bulan dan dilihat anak bulan pada malam pertama dan orang berkata anak bulan itu sudah dua malam."*

Dan hadis sahabat Ibnu Masaud yang diriwayatkan oleh Al-Imam At-Tabarani dalam Al-Kabir lafaznya: sabda Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam:

Ertinya: *"Dari tanda-tanda hampir hari kiamat ialah anak bulan besar atau dilihat terang."*

Hadis ini terang-terang menunjukkan orang-orang menggunakan alat-alat pembesar pada melihat anak bulan, anak bulan boleh dilihat sebelum mata dapat melihat anak bulan itu. Bahawa besar anak bulan itu bukan sebenar-benar besar, tetapi ertinya dilihat anak bulan besar pada waktu dia dilihat kecil dengan mata, pada hari awal bulan, ketika ia bercerai dari matahari, pada hari itu dilihat dengan mata kecil, tetapi dilihat dengan alat maka ia menjadi besar. Sehingga orang-orang melihat dengan teropong itu berkata anak bulan itu sudah 2 hari, tetapi ia cuma baharu sehari. Tetapi tambahan dalam hadis itu hanya (mudrajah), ditambah mengikut faham setengah riwayatnya, dan sebenar Hadis itu hanya dari tanda-tanda hampir berlakunya kiamat itu ialah anak bulan besar atau dilihat terang.

Ini maka hadis yang riwayatnya "Intifakh"....besar. Adapun menurut riwayat "Intifaj" yang sahih pada Hadis sahabat Ibnu Masaud, dan barangkali ada pada riwayat yang lain juga, maka maknanya menunjukkan pada perkara yang berlaku zaman sekarang, iaitu anak bulan itu sampai kepada negeri-negeri yang jauh dengan telegram dan telefon dan radio dan televisyen kerana makna ("intifaj") itu ialah melompat segera keluar dari tempatnya, atau makna ia membesar, tetapi makna lompat segera keluar dari tempatnya itu sesuai dengan Hadis-hadis berkenaan dengan tanda-tanda hari kiamat, iaitu apabila anak bulan dilihat dengan teropong kemudian disiarkan melalui radio ke serta alam dengan serta merta adalah ia sebagaimana segera melompat arnab dari sarangnya, cabut lari.

Maka Hadis ini menunjukkan dua perkara iaitu: Adalah alat-alat pemancar perkhabaran (komunikasi) ada anak bulan ke serata dunia dengan sekelip mata.

WALLAHUAKLAM

(Bersambung)



MENTERI Pelajaran dan Kesihatan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz dengan mendahulukan lafaz Bismillahir Rahmanir Rahim membuka tirai perasmian.

# S.M. Sg. Kebun diberi nama baru

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sekolah Menengah Sungai Kebun mulai hari Khamis, 13 Disember lalu dikenali sebagai Sekolah Menengah Awang Semaun.

Pengisytiharannya dilakukan oleh Menteri Pelajaran dan Kesihatan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz atas perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dalam satu upacara yang penuh meriah.

Ketibaan Menteri Pelajaran dan Kesihatan dan pegawai-pegawai kanan Kementerian disambut dengan pukulan hadrah dan perbarisan kehormatan Pasukan Pengakap dan Bulan Sabit Merah.

Sebaik-baik saja selesai lagu Allah Peliharakan Sultan majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran diikuti dengan terjemahannya dalam bahasa Melayu dan Inggeris.

Pengetua Sekolah selaku Pengerusi Majlis, Awang Haji Md Taib Sulaiman dalam ucapannya telah memaparkan sejarah penubuhan dan perkembangan serta kejayaan yang dicapai oleh sekolah itu.

Menteri Pelajaran dan Kesihatan setelah selesai menyampaikan ucapan dan pengisytiharan berkesudian menyempurnakan penyampaian hadiah kepada pelajar pelajar terbaik.

Bacaan Syair Awang Semaun dan persembahan silat juga dipersembahkan di majlis itu. Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz dan pegawai-pegawai kanan Kementerian kemudiannya dijunjung dan dipersilakan beredar ke bilik pameran yang diadakan dan menanam sepohon pokok kelapa di pekarangan sekolah.

# Sejarah ringkas S.M. Awang Semaun

SEKOLAH Menengah Sungai Kebun yang kini dikenali sebagai Sekolah Menengah Awang Semaun dibina di atas tapak seluas 40 ekar.

Ia mula digunakan pada 2 Februari tahun lalu dan mengandungi 17 blok dan sebuah surau.

Lapan blok digunakan bagi bilik darjah, dua blok makmal sains dan bahasa Inggeris, sebuah blok bagi mata pelajaran lukisan, sebuah blok urusan rumahtangga, sebuah blok untuk pentadbiran dan tiga blok untuk mata pelajaran lukisan teknikal, pertukangan kayu dan pertukangan logam.

Menurut Pengetua sekolah itu, Awang Haji Md. Taib Sulaiman, sekolah itu dibina bertujuan bagi menawarkan kemudahan-kemudahan belajar yang sebaik-baiknya kepada penuntut-penuntut dari Kampong Ayer termasuk Kampong Lumapas dan Kasat.

Selain itu, bagi mengatasi masalah kesesakan di sekolah-sekolah menengah yang terletak di kawasan Bandar Seri Begawan dan mengatasi masalah pengangkutan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar dari Kampong Ayer serta mengatasi masalah kesesakan jalan raya.

"Ia juga bertujuan mempertahankan tradisi silam dan kebudayaan dan nilai-nilai Kampong Ayer yang dianggap penting dalam konteks perkembangan Brunei Moden," jelasnya.

Penuntut-penuntutnya kini berjumlah 1,658 orang dengan keramaian tenaga pengajar 110 orang dari anak-anak tempatan, guru-guru dari negara-negara ASEAN, India, Sri Lanka dan United Kingdom.

"Penuntut-penuntut Tingkatan Satu seramai 280 mempunyai lapan kelas, Tingkatan Dua, 15 kelas, 453 orang; Tingkatan Tiga 14 Kelas 404 orang; Tingkatan Empat 10 kelas 210 orang dan Tingkatan Lima 14 kelas 361 orang," jelas Awang Haji Md. Taib.

Selain dari menumpukan sepenuhnya terhadap pelajaran penuntut-penuntut sekolah aliran Inggeris itu juga mempunyai kegiatan-kegiatan luar darjah seperti Pasukan Pengakap dan Pasukan Bulan Sabit Merah.

Selain itu mereka menubuhkan sebuah Kelab Apresiasi Komputer.

"Kelab itu dianggotai oleh 48 pelajar Tingkatan Empat yang mempunyai asas dalam mata pelajaran sains dan ilmu Hisab. Mereka diawasi oleh tiga guru yang bertugas separuh masa," jelas pengetua sekolah itu.

Menurutnya seramai 19 orang lepasan sekolah itu kini melanjutkan pelajaran di Pusat Tingkatan Enam.



YANG Dimuliakan Menteri Pelajaran dan Kesihatan menyampaikan hadiah pelajar terbaik kepada Awang Zainal Ariffin Abd Razak.

# JAUHI TIGA SIFAT YANG DIKUTUK OLEH ALLAH

**Umat Islam perlu berusaha pada memelihara taraf kedudukan kita yang mulia. Salah satu caranya ialah menjauhi ketiga-tiga sifat yang disebutkan.**

BERTAKWALAH kepada Allah dengan mengerjakan segala apa jua suruhan-Nya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya.

Adalah makhluk manusia itu semulia-mulia makhluk Allah Taala, ia lebih mulia daripada langit dan bumi, lebih mulia daripada semua jenis binatang dan bahkan lebih mulia daripada jin dan malaikat.

Segala kejadian yang dijadikan oleh Allah di dunia ini semuanya itu adalah untuk maslahat manusia belaka, baik yang ada di laut mahupun yang di darat dan di angkasa, semua itu untuk manusia, bagaimana firman Allah yang bermaksud:

"Dia (Allah) yang telah menjadikan semua yang di muka bumi ini untuk kamu (manusia)."

Jika kita benar-benar insafkan kedudukan kita selaku makhluk yang paling mulia di sisi Allah, serta menyedari hakikat kejadian-kejadian yang lain selaku rahmat pemberian Allah kepada kita, maka sudah tentu manusia itu akan sentiasa bersyukur dan memelihara kedudukannya supaya jangan sampai dicemarkan oleh perbuatannya sendiri. Ada beberapa sifat yang boleh menjerumuskan manusia itu kepada kebinasaan atau setidak-tidaknya akan menghilangkan sifat-sifat mulia yang telah dikurniakan Allah kepadanya. Pertama dalam bahasa Arab disebut sebagai sifat 'assyaitanniah' iaitu sifat kesyaitanan, gila berlagak, membanggakan diri dan di dalam hatinya bersarang perasaan hasad dengki, bermuka-muka dn suka melaga-lagakan orang lain. Mereka yang seumpama ini diingatkan Allah seperti dalam Firman-Nya dalam Surah Al-Baqarah ayat 168 yang bermaksud:

**"Dan janganlah kamu ikut jejak langkah syaitan, sesungguhnya syaitan itu adalah musuh yang nyata."**

Kedua sifat Al-Bahimiyyah iaitu sifat kebinatangan yang penuh dikuasai oleh hawa nafsu. Hidup bagi mereka tidak ada lain yang difikirkan selain makan dan hubungan jantina yang selepas-lepasnya. Tidak kira halal haram, tidak tahu malu atau segan asal hati puas, itulah matlamatnya. Untuk mereka ini, Allah membuat ibarat dengan firman-Nya dalam Surah Al-'Araf ayat 179 yang bermaksud:

**"Mereka ini tidak ubahnya seperti haiwan berkaki empat bahkan mereka lebih sesat lagi. Mereka itulah orang-orang yang lalai."**

Ketiga, sifat As-Syu'bah iaitu sifat buas, kejam dan tidak bertimbang rasa. Orang yang memiliki sifat ini sangat suka melihat orang lain menderita dan ia sanggup berbuat apa saja untuk kepentingan dirinya sendiri.

Tidak syak lagi ketiga-tiga sifat yang disebutkan tadi bukanlah sifat yang baik bahkan sangat dikutuk oleh Allah dan juga akal kita yang waras. Tetapi sungguhpun demikian masih ramai juga di antara manusia yang terjerat atau terperangkap mengamalkannya kerana itulah dalam jangka pendek atau panjang, kita perlulah berusaha ingat-mengingati atau nasihat-menasihati supaya terus memelihara taraf kedudukan kita yang mulia dengan salah satu caranya ialah menjauhi ketiga-tiga sifat yang disebutkan tadi, sifat-sifat yang bukan sahaja membawa kerugian kepada pemiliknya sendiri bahkan juga menjahanamkan masyarakat dan umat serta apa-apa jua yang kita sayangi.




## Mengapa kita sering diingat supaya bertakwa

*Menuju keredaan Allah*

SETIAP masa dan ketika kita diingatkan dan diseru supaya sentiasa mengingati Allah dengan meningkatkan amal takwa kita kepada-Nya: Pada setiap minggu pembukaan khutbah Jumaat juga menekankan perkara takwa ini, iaitu kita diseru mempertinggikan tingkat amal kita kepada Allah Subhanahu Wataala. Persoalannya sekarang, mengapakah kita sentiasa diseru dan diingat-ingatkan begitu? Sebenarnya ada dua sebab yang besar mengenai perkara itu.

Pertama mengingatkan kita supaya terhindar daripada seribu macam kelalaian yang sentiasa berlegar mengelilingi dunia kehidupan kita, yang mana kelalaian inilah yang sering mengancam keimanan dan ketakwaan kita kepada Allah. Dengannya iman seseorang boleh goncang dan terpesong, inilah perkara yang amat ditakuti terjadi kepada kita. Akibatnya perkara ini bila terjadi, bukan saja menghilangkan keimanan seseorang tetapi juga akan menggugat keamanan dunia.

Perkara kedua pula tentang mengapa kita sentiasa diseru dan diingatkan supaya sentiasa takwa itu ialah tidak lain dan tidak bukan adalah berhubung dengan faedah yang akan diterima oleh orang yang sentiasa takwa itu atau lebih dikenal dengan ganjaran dari ketakwaannya. Sebenarnya berhubung dengan faedah atau ganjaran orang yang sentiasa takwa kepada Allah ini ada banyak dan tidak ternilai, tetapi di sini biarlah kita catatkan secara umum saja: Bagi orang yang sentiasa bertakwa itu Allah Taala telah mengumpul semua kebaikan dunia dan akhirat untuk diberikannya kepada mereka yang antaranya mereka akan mendapat jalan keluar daripada tekanan hidup dan rezeki pula sentiasa datang berlimpah-ruah tanpa diduga. Perkara ini telah dijanjikan oleh Allah dalam firman-Nya dalam surah At-Thalaq ayat 2 hingga 3 yang kira-kira bermaksud:

*"Barangsiapa yang bertakwa kepada Allah (Dengan mematuhi segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya, nescaya Allah akan mendorongkan baginya jalan keluar (dari kesulitan) dan Dia (Allah) akan memberikan rezeki kepadanya dari sumber-sumber yang tiada diduga."*

Jadi dari Firman Allah itu nyata sekali keuntungan yang akan diperolehi oleh mereka yang takwa itu. Selain dari itu Allah juga akan memberikan perlindungan kepada orang yang bertakwa yang mana jaminannya tercatat pada surah Maryam ayat 27 yang bermaksud:

*"Kami (Allah) menyelamatkan orang-orang yang bertakwa."*

Dan satu ganjaran yang tidak ternilai tingginya bagi orang-orang yang bertakwa pula ialah tentang jaminan masuk syurga bagi mereka oleh Allah. Ini jelas seperti dalam firman-Nya melalui surah Al-Qalam ayat 34 yang bermaksud: *"Sesungguhnya orang-orang yang bertakwa akan memperolehi syurga janatun naim dari tuhan mereka."*

## Ikuti kursus ketenteraan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Dato Seri Pahlawan Brigadier Jeneral Haji Mohammad bin Haji Daud bertolak ke United Kingdom untuk mengikuti kursus peringkat tertinggi ketenteraan di London.

Bekas Timbalan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei itu akan mengikuti kursus selama setahun di Maktab Pengajian Pertahanan Diraja di Belgrave Square London.

Kursus tersebut dihasratkan bagi menyediakan pegawai-pegawai kanan tentera untuk meningkatkan tanggungjawab yang semakin bertambah dan meningkatkan pengurusan pertahanan. Ini adalah pertama kalinya pegawai kanan dari Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dihantar untuk mengikuti kursus tersebut. Pegawai-pegawai dari 20 buah negara, termasuk United Kingdom mengikuti kursus pada setiap tahun.

## Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 19 Disember, 1984 hingga ke hari Selasa 25 Disember, 1984 adalah seperti di bawah ini : —

| HARI | ZUHUR | | ASAR | | MAGHRIB | | ISYAK | | IMSAK | SUBUH | | MATA-HARI |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| BULAN | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | | Mulai | Berakhir | TERBIT |
| 19–20 | 12.23 | 3.41 | 3.42 | 6.17 | 6.18 | 7.32 | 7.33 | 5.03 | 4.49 | 5.04 | 6.21 | 6.22 |
| 21–25 | 12.26 | 3.44 | 3.45 | 6.20 | 6.21 | 7.35 | 7.36 | 5.06 | 4.52 | 5.07 | 6.24 | 6.25 |

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu. Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

# PERANAN SASTERAWAN AMAT LUAS — Pmk Pengarah DBP




KUMPULAN Rusila Negara dan Senandong Budaya sedang beraksi dengan membawakan lagu-lagu petikan dari antologi Puisi.



BANDAR SERI BEGAWAN. — Para sasterawan dan seniman sepatutnya menyedari bahawa peranan mereka bukanlah sekadar tertumpu kepada keperluan mereka sendiri bahkan peranan itu sebenarnya berputar dalam alam yang lebih luas. Luas sehingga kita tidak perlu meminjam atau bergantung kepada orang lain untuk mengenal dan mengkekalkan identiti.

Sememangnya dalam segala hal identiti amat penting kerana ia melambangkan cara hidup kita yang sebenar. Kita perlu menyedari pada masa ini kita terdedah kepada segala macam pengaruh yang kadangkala menyukarkan setengah orang memahami apa sebenarnya identiti itu.

Dalam ucapannya di majlis Pertandingan Nyanyian Puisi anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Dy Fatimah binti Haji Mohd Husain berkata, "Dalam hubungan ini kita tentu sependapat bahawa di antara unsur yang dapat bertahan dalam memperkenalkan cara hidup sebenar sesuatu bangsa ialah kesenian. Kesenian boleh tegak berdiri sebagai jiwa dan rupa sesuatu bangsa."

Sehubungan dengan itu beliau menegaskan, "Sesungguhnya kita tidak boleh memaksa atau menekan daya kreatif seseorang dan sememangnya kita tidak mahu mewujudkan konsep paksaan dalam daya berkreatif sebab konsep paksaan amat bertentangan dengan sifat seni yang ghairah kepada kebebasan."

Namun begitu tegas Dayang Fatimah jikalau seniman itu atau penyair itu sedar bahawa ia boleh memberi sumbangan kepada masyarakat menerusi daya kreatifnya, sumbangan yang boleh mewujudkan rasa cinta kepada tanahair, kebudayaan dan ugama serta sumbangan yang boleh mendidik, membimbing dan menyedarkan maka adalah wajar para seniman dan sasterawan menyedari bahawa mereka sebenarnya penting kepada negara.

Peraduan Nyanyian Puisi yang diadakan buat pertama kalinya oleh Dewan Bahasa dan Pustaka tersebut merupakan suatu penghargaan kepada para penyair tanahair di samping memberikan galakan kepada pencinta muzik. Peraduan itu juga merupakan salah satu kreatif seni yang baru bagi masyarakat Negara Brunei Darussalam dan projek yang diadakan ini membawa hasrat sebagai usaha pembinaan kreatif bagi menambah perbendaharaan sastera di samping sebagai alat berkomunikasi antara kombinasi idea berfungsi kepada pendidikan untuk generasi baru yang telah menjadikan musik sebagai asam garam kehidupan mereka.



PEMANGKU Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Dy Fatimah binti Haji Mohd Husain ketika menyampaikan ucapan di Majlis Pertandingan Nyanyian Puisi '84.

Kumpulan Rusila Negara telah muncul sebagai johan dalam peraduan itu, tempat kedua dari kumpulan Senandong Budaya Kebajikan Dewan Bahasa dan Pustaka dan tempat ketiga jatuh kepada kumpulan Rusila Daerah Belait.

Hadiah-hadiah kepada pemenang-pemenang pertandingan nyanyian puisi telah disampaikan oleh Datin Fatimah binti Jaafar.

Turut hadir di majlis itu ialah Dato Paduka Awang Sidek bin Yahya, Pegawai Pentadbir Kanan di Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan yang menjadi tetamu kehormat dan beberapa orang pegawai-pegawai kanan Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka.

# Sumbangkan tenaga bakti kepada yang kurang bernasib baik



AWANG Talib bin Haji Berudin sedang berucap di majlis Hari Penutup Kelas Bimbingan Kanak-kanak Cacat Kampong Pulaie.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Semua lapisan masyarakat diseru supaya akan lebih berusaha lagi dengan gigihnya bagi membantu kanak-kanak dan orang-orang cacat agar mereka ini akan dapat dipimpin untuk hidup berbahagia di sisi masyarakat.

Orang ramai terutama orang-orang tempatan adalah wajar bagi mereka menyumbangkan tenaga bakti kepada mereka yang kurang bernasib terutamanya kanak-kanak cacat yang terdiri dari kalangan masyarakat kita sendiri.

Ketua Pegawai Belia dan Sukan, Awang Talib bin Haji Berudin menyarankan demikian selaku tetamu kehormat bagi pihak Pengarah Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan di majlis Penutup Kelas Bimbingan Kanak-Kanak Cacat, Pusat Bimbingan dan Latihan Kampong Pulaie minggu lepas.

Menurut beliau sejauh ini sering kita dengar bahawa banyak pertunjukan-pertunjukan amal, derma-derma dan bantuan-bantuan material yang telah dihulurkan kepada tabung orang-orang cacat, akan tetapi sejauh manakah bantuan-bantuan material itu dapat membantu kanak-kanak cacat tersebut bagi menjamin hidup mereka di masa-masa akan datang.

Dari itu beliau berpendapat bahawa bantuan-bantuan material serupa itu adalah tidak memadai setakat itu tetapi apa yang paling mustahak adalah bantuan dari segi moral dan usaha-usaha untuk menjadikan mereka dipimpin untuk memimpin diri mereka sendiri pada masa-masa akan datang.

Terdahulu dari itu Pengerusi majlis, Awang Halim bin Haji Othman dalam ucapan alu-aluannya berkata kelas bimbingan kanak-kanak cacat ini adalah bagi mereka yang cacat mental, fizikal, sosial dan emosi di mana perkembangan mereka ini terhad dan mereka ini tidak boleh mengikuti program-program atau aktiviti-aktiviti di sekolah biasa oleh itu beberapa modifikasi program dan aktiviti-aktiviti dibuat mengikut kemampuan dan perkembangan kanak-kanak dari satu masa ke satu masa.

Seramai 18 dari 46 murid terdiri dari enam buah kelas, masing-masing dari kanak-kanak cacat pendengaran dan mental pada hari itu telah menerima hadiah terbaik berdasarkan kebolehan dan kejayaan mereka dalam semua lapangan dan aktiviti sepanjang tahun 1984.

Antara mereka yang menerima hadiah itu ialah Dayang Haziah Karim, Mohd Kasim Mohd Yusof, Berudin Putih, Mimiesheizweni Abd Hakim, Laynda Lamit, Zubaidah Othman, Ak Momin Pg Shahbuddin, Ramlee Osman, Mohd Salleh Abdullah, Siti Rahmat Bujang, Adi Ahmad Haji Jailani, Ayob Dollah, Masrezil Haji Masri, Dk Normatlailawati Pg Anak Mastor, Suhardi Haji Serbini, Ahmad Daud, Roslan Haji Omar dan Bakrin Haji Abdullah. — JOE.



PERSEMBAHAN Improvisasi teater 10 budak hitam adalah di antara persembahan yang menarik.




NYANYIAN ramai oleh murid-murid dan kakitangan kelas bimbingan kanak-kanak cacat juga turut dipersembahkan di majlis tersebut.

# JANGAN ANGGAP PENDIDIKAN TEKNIKAL, VOKASIONAL DAN SAINS SEBAGAI ''BAGAS-BAGASAN''

JALAN MUARA. — Masyarakat umum Negara Brunei Darussalam hendaklah jangan menganggap pendidikan teknikal, vokasional dan sains sebagai jurusan bagas-bagasan bagi anak-anak yang 'drop-out' atau tercicir.

Anggapan salah di kalangan masyarakat yang selalu mensifatkan jurusan itu sebagai pendidikan bagi anak-anak yang sekolah lain sudah tidak mahu menerima adalah bertentangan dengan keperluan negara, yang boleh menjadikan Brunei Darussalam sebuah negara yang tidak boleh bersaing dalam zaman yang serba maju.

Timbalan Pengarah Pelajaran, Awang Haji Abdul Saman bin Kahar berkata, menilai hari depan negara, ketentuan yang akan wujud di negara ini adalah ternyata dari sekarang memerlukan kita bersedia dengan tenaga yang lebih mahir dalam bidang teknikal, vokasional dan sains.

Kerana itu, tegasnya, masyarakat umum di negara ini hendaklah tidak berfikiran dan melihat alam hanya melalui satu jurusan, kerana perkembangan di lain-lain dunia memerlukan kita cepat sedar supaya jurusan teknikal, vokasional dan sains cepat-cepat dipindah ke Negara Brunei Darussalam.

Bercakap merasmikan Pertandingan Kuiz Sains Peringkat Akhir seluruh negara, Awang Haji Abd. Saman seterusnya menjelaskan, "Meskipun dalam sistem pendidikan yang rasmi kita ingin melihat identiti keBruneian dikekalkan, akan tetapi ini tidak bermakna yang masyarakat Brunei harus terpisah dari perkembangan yang wujud di seluruh dunia, terutama perkembangan yang maju dalam bidang sains dan teknologi."



AWANG Haji Abd Saman .....Brunei perlu tenaga mahir dibidang teknikal, vokasional dan sains.

Yang demikian itu jua kita mengharapkan supaya pendidikan teknikal, vokasional dan sains akan terus diminati oleh anak-anak Brunei Darussalam, yang sejauh ini hanya gemar memilih pelajaran-pelajaran yang mereka anggap amat mudah untuk lulus dan cepat mendapat sijil.

Brunei Darussalam, tegasnya, dengan bilangan rakyat yang sedikit tidak mampu membela hanya orang-orang yang lulus dalam bidang arts dan seumpamanya lantaran keperluan negara pada tenaga mahir dalam pendidikan berkenaan.

Kesedaran yang wujud di kalangan anak-anak Brunei sedikit demi sedikit akan membolehkan pendidikan di negara ini bersaing mengikut keupayaan bagi menyediakan lebih ramai tenaga-tenaga di bidang teknikal, vokasional dan sains.

"Sebab kita sedar tidak lagi boleh kita berdiam diri dalam keadaan sekarang di mana seolah-olah alam sekolah hanya menerima pemilihan yang cenderung untuk memilih mata-mata pelajaran yang mereka anggap mudah lulus dan cepat mendapat sijil," tegas Awang Haji Abdul Saman.

Menyentuh tentang konsep kegiatan luar atau ECA, Timbalan Pengarah Pelajaran juga berharap supaya manamana pihak tidak keliru mengenainya, tetapi memahami basrat sebenar yang lebih menghasratkan supaya 50.9 ribu penuntut di negara ini akan menjadi manusia yang sempurna, yang mampu mengendalikan perkembangan dan pembangunan negara.

Untuk itu beliau menekankan bahawa kita tidak mengharap semua kanak-kanak setiap petang akan berada di padang, kita tidak berharap semua kanak-kanak akan terjerumus dalam buku-buku, kita tidak berharap semua penuntut akan berada di pentas untuk menari saja dan menyanyi saja, akan tetapi ialah supaya penuntut yang jumlahnya 50.9 ribu, suatu jumlah yang besar, akan menjadi manusia-manusia yang sempurna yang mampu mengendalikan perkembangan dan pembangunan Brunei Darussalam.

Kerana itu jua, Persatuan Pendidikan Sains Brunei — BASE yang menganjurkan pertandingan Kuiz Sains di harapkan menjadi teman seiring jalan pada melanjutkan konsep ECA, memberikan kesedaran pada para penuntut bagi mengalihkan perhatian daripada jurusan arts kepada jurusan sains.

Dengan konsep ECA yang baru itu juga diharapkan supaya bakat kanak-kanak dalam pelbagai bidang dapat disuburkan, tanpa ingau akan asal-usul keturunannya, asal-usul ugamanya, tetapi yang penting ialah terdapatnya satu identiti keBruneian, tanpa kita mengadakan perpecahan antara kaum-kaum kita yang hidup secara harmoni.



TIGA peserta dari St. Angela's yang memenangi Kuiz Sains bahagian Menengah Bawah (atas).



USAHA sama antara kaum pendidik, penuntut dan orang ramai akan menanam kesedaran penuntut negara untuk meminati pendidikan di bidang teknikal, vokasional dan Sains.

# Pendidikan Sains unsur utama dalam dasar BSP

JALAN MUARA. — Pendidikan bidang sains dan teknologi adalah unsur utama dalam dasar Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad menyokong penuh perlaksanaan aktiviti-aktiviti luar.

Awang Ibrahim Haji Jumat, wakil syarikat itu menjelaskan ini adalah selaras dengan pencapaian matlamat keperluan pada menghasilkan tenaga mahir dalam masa yang lebih singkat.

Beliau berkata, Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad dan LNG, seperti juga perusahaan industri lain di samping Jabatan Teknikal Kerajaan adalah pengguna-pengguna besar tenaga mahir, terutama graduan yang mempunyai kelulusan teknikal atau kejuruteraan.

Tetapi, apa yang ketara pada masa ini jelasnya, ialah bilangan graduan yang belum mencukupi dalam bidang pelajaran sains dan teknikal, sebagaimana yang dikehendaki oleh negara.

Sebagai satu pihak golongan awam yang sama menyokong kemajuan ke arah perkembangan negara yang kukuh dan stabil dalam kedua-dua segi ekonomi dan kehidupan, Shell Brunei bertanggungjawab memberikan beberapa aspek keperluan, menyebarkan ilmu pengetahuan terutama dalam industri yang lengkap dengan teknologi, sains dan perusahaan yang kompleks.

Berucap selaku wakil Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad di Pertandingan Kuiz Sains peringkat sekolah menengah seluruh negara yang berlangsung di Dewan Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan/Sekolah Sains di sini baru-baru ini, Awang Ibrahim seterusnya berkata, "Apa yang dilakukan oleh Shell Brunei adalah semata-mata bagi rakyat dan negara, yang tidak jemu-jemu memainkan peranan membantu kehidupan sosio-ekonomi negara, bukan bertujuan untuk mengambil nama atau menunjukkan lagak sebagai syarikat yang kaya dan mewah, tetapi memberikan fahaman dan pengetahuan akan kegiatan operasi yang membuahkan kemewahan dalam mendukung perlaksanaan kegitanan luar.

Pertandingan Kuiz Sains dianjurkan oleh Persatuan Pendidikan Sains Brunei di bawah tajaan Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad bagi kali kedua, dalam usaha memperkembang-giatkan pelajaran yang difikirkan penting bagi negara.

Kuiz Sains bahagian Menengah Atas telah dimenangi oleh Maktab Sultan Omar Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan, setelah menewaskan Sekolah St. Michael's di Seria.

Sementara dalam bahagian Menengah Bawah, pula Sekolah St. Angela's Seria, menjadi johan setelah mengalahkan Sekolah St. Andrew's dari ibu negara.

Hadiah kepada pemenang-pemenang telah disampaikan oleh Timbalan Pengarah Pelajaran, Ustaz Awang Haji Abd Saman bin Kahar.

# 30 orang penuntut dapat biasiswa BSP

SERIA. — Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad baru-baru ini mengumumkan penganugerahan biasiswa baru bagi 30 orang penuntut dari rakyat Negara Brunei Darussalam.

Sepuluh biasiswa ialah bagi Sijil Tinggi Persekolahan, sementara 20 yang lainnya adalah bagi penuntut yang menduduki peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei.

Selain dari menganugerahkan biasiswa baru, syarikat tersebut dalam usahanya membantu meninggikan taraf pelajaran rakyat negara ini, juga telah membaharui biasiswa bagi sepuluh orang penuntut Sijil Tinggi Persekolahan dan 19 bagi sijil Am Pelajaran Brunei, yang menerima biasiswa tersebut tahun lepas.

Sepuluh orang yang menerima biasiswa itu bagi Sijil Tinggi Persekolahan ialah Lee Pak Yee, Tikom bin Subi, Rustipah Musa, Siti Aisyah Ali, Sura Haji Osman, Maizanah Haji Jumat, Awang Halidi Awang Jerudin, Naim bin Salleh, Surry Awang Ladi dan Metassim Haji Bungsu. Mereka ini adalah dari Pusat Tingkatan Enam, Gadong.

Sementara itu, mereka yang menerima biasiswa bagi Sijil Am Pelajaran Brunei ialah Siti Zaliha Julaihi dari Maktab Anthony Abell, Rahmawati Haji Bolhassan, Jefri Jais, Fatimah Balit, ketiga-tiganya dari Sekolah Inggeris Perdana Wazir, Lailakartika Haji Md. Noor, Salina Suboh dan Dk. Norutama Pengiran Hassan dari STPRI.

Hajjah Salbiah Haji Kadir dari Sekolah Menengah Sungai Kebun, Razali Judin dan Chong Kim Onn kedua-duanya dari Sekolah Inggeris Berakas. Juga menerima biasiswa itu ialah Saripah Abah, Kulit Bayan, Goh Siah Yan dan Amat Haji Tinggal, kesemuanya dari Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah.

Biasiswa yang sama juga telah diterima oleh Ida Rafidah Dzolkefflie dari Maktab SOAS dan Hajjah Tialam Haji Arsad dari Sekolah Menengah SMJA.

Juga terpilih untuk menerima biasiswa tersebut ialah Setiri Nyawing dari Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan/Sekolah Sains, serta Dile binti Dukong dan Kula bin Anggas dari Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim.

Untuk biasiswa tersebut, satu cek bernilai $22,500.00 telah disampaikan kepada Pengarah Pelajaran, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong dari Pengurus Hal-Ehwal Masyarakat Shell, Awang Mohd. Zaini Haji Omar. Setiap biasiswa bernilai $750.00.

# Tarikh pembekalan pokok Krismas

JABATAN Kehutanan mengumumkan bahawa tarikh bagi membekalkan pokok-pokok Krismas ialah pada hari Sabtu 22 Disember dan hari Isnin 24 Disember dan bukan pada 21 dan 23 Disember seperti yang dimaklumkan pada awalnya.

# MANTOREK CATAT KEJAYAAN DALAM BIDANG KESELAMATAN



TD Win Steenken menyampaikan papan peringatan kepada Eoin Mackenzie, EPS (atas) sementara gambar bawah ialah sebahagian daripada pekerja-pekerja yang telah membantu EPS mencapai kejayaan dalam bidang keselamatan.



PARA pekerja di tongkang kren Mantorek telah menunjukkan perhatian serius terhadap keselamatan sewaktu bekerja supaya tidak menjejaskan perlaksanaan kerja mereka.

"Keselamatan dan perlaksanaan kerja dilaksanakan bersama dan kami semua merasa bangga terhadap pencapaian kami," kata Lew Foster, Penyelia Kanan Tongkang kepunyaan BSP.

Mantorek mempunyai lebih dari 160 orang pekerja yang bertugas berlainan kewajipan dan tanggungjawab tetapi mereka bersatu dan berkerja sepenuh masa setahun tanpa mengalami kehilangan masa berkerja disebabkan kemalangan.

Walaupun pencapaian ini telah tercatat pada 18 Oktober di sebuah upacara ringkas bagi merayakannya hanya diadakan pada Jumaat lepas, 29 November dan turut merayakan bersama pekerja ialah TD Wim Steenken yang juga mempunyai pengaugerahan keselamatan.

Mantorek adalah sebuah kren yang berkeupayaan mengangkut barang-barang berat satu-satunya kepunyaan Shell Brunei. Patut juga disebut di sini tentang misal-misal perlaksanaan kerja yang dijalankan oleh tongkang ini dalam masa tertentu. Ianya bertanggungjawab dalam kerja pemasangan kesemua jeket di AMPA-1, telah memindah lebih dari 30 buah kumpulan derek (DES), memindah 24 buah geladak helikopter dan menjalankan kerja di sebanyak 71 tempat.

"Awda dapat menggambarkan betapa susahnya bekerja disuasana serta cuaca yang berlainan. Tidak seperti berkerja di daratan kebanyakan perlaksanaan kerja kita dipengaruhi oleh keadaan laut dan cuaca dan kami menganggap pencapaian ini sebagai suatu yang khusus dan ini hanya boleh dicapai dengan adanya daya kerja yang bersefahaman," tambah Lew Foster.

Mantorek telah mencapai sejuta jam bekerja tanpa satu kehilangan masa bekerja disebabkan kemalangan pada 20 September.




## EPS catat sejuta jam tanpa kemalangan

EPS Jabatan Kejuruteraan Projek Darat dan para pemborongnya telah didapati tidak mengalami kehilangan masa bekerja kerana kemalangan setelah berkerja selama sejuta jam — Kejayaan ini setentunyalah banyak meraih keringat.

Pencapaian yang cemerlang adalah hasil keupayaan kesemua kakitangan di jabatan ini, terutamanya mereka yang bekerja di kawasan luar.

Penggunaan pemborong-pemborong tempatan yang belum mempunyai pengalaman yang terhad ke arah perkara-perkara mengenai keselamatan begitu setentunyalah difikirkan boleh menyebabkan masalah besar. Laporan mengenai jabatan ini bukan saja ditujukan kepada tabiat mereka menjalankan kerja dengan selamat malah juga keupayaan mereka dalam memberikan pengertian yang sama kepada pemborong-pemborong mereka.

EPS telah menerima sebuah papan peringatan bagi memperingatinya dan telah mengadakan jamuan bagi semua kakitangannya, tetapi ianya tidak begitu memerangsangkan mereka; mereka diharapkan untuk berkerja dengan berhati-hati dan kini sudah pun mulai menjangkau masa bekerja sejuta jam lagi. Papan-papan tanda terletak di luar pejabat-pejabat di bangunan arkon kejuruteraan dan di Lorong 10 akan mencatat kemajuan mereka.

## Bekas bangunan kelab dijadikan pejabat

BEKAS bangunan Kelab Cina Shell Brunei di Seria telah pun diubahsuai untuk dijadikan pejabat.

Separuh daripada bangunan itu akan digunakan oleh Jabatan Kajibumi bagi menggantikan yang lama yang terletak di belakang Pusat Latihan Teknikal syarikat.

Kerja pengubahsuaian bangunan itu berakhir baru-baru ini dan kerja sedang berjalan lancar bagi pemasangan lain-lain kemudahan.

Tim Potter, XGL/2 berkata, bahawa adalah amat penting bagi syarikat mempunyai tempat penaruhan teras yang tetap.

"Adalah menjadi sesuatu kelaziman sesebuah syarikat memerlukan dasar undang-undang bagi menempatkan barang dagangan dan pada dasar kita menilainya memandangkan perbelanjaan yang terlalu banyak terlibat untuk mengoreknya. Sebaliknya pula, ianya juga dapat memberikan perkhidmatan-perkhidmatan kepada pengkaji-pengkaji enapan atau para pengkaji bumi dengan terdapatnya contoh-contoh 'sedia ada' untuk kajian," kata Potter.

Di bahagian lain bangunan ini pula akan digunakan bagi jabatan-jabatan Geofizikal dan Sukat Tanah dan Kajicuaca sebagai kemudahan-kemudahan penyimpanan. Bangunan ini akan digunakan sepenuhnya awal tahun depan.

## BSP dan LNG akan dilengkapi dengan sistem pencatat baru

SYARIKAT Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad dan Brunei LNG akan dilengkapi dengan sistem mencatat belanja dan penerangan pada 1 Januari 1985. Sistem ini diasaskan pada alat komputer dipanggil "GL+".

Sistem ini akan menempatkan data perangkaan dan kewangan pada aktiviti-aktiviti dijalankan oleh syarikat bagi menemui catatan tepat yang dikehendaki oleh kesemuanya pengguna-pengguna bahagian kewangan atau yang lain. Anggaran belanjawan dan ongkos tertentu akan dicatatkan bagi kesemua aktiviti-aktiviti perniagaan yang besar — pengukuran, pengorekan, penghasilan, pembaikan, perkhidmatan dan sebagainya.

Sistem GL+ yang baru ini memberikan kemajuan-kemajuan yang bermakna dalam mencatat perihal yang boleh diubah-ubah ke atas buku akauan yang ada sekarang, perbelanjaan pengurusan dan sistem-sistem mencatat ongkos mengorek dan suatu penggunaan penerangan kewangan. Untuk memperolehi catatan yang boleh diubah-ubah ini Charts of Accounts telah pun diubah secara radikal bagi penggunaan mula 1 Januari, 1985.

Kumpulan projek berbilang pengawalan dari FIC telah mula ditubuhkan awal tahun ini untuk menggantikan sebilangan sistem kewangan yang menyeluruh yang telah pun digunakan sejak akhir tahun 1960an. Perlaksanaan utama adalah merupakan suatu tanggungjawab kedua-dua kumpulan pengurusan syarikat dan peranan yang genting yang dimainkan oleh orang tumpuan di kesemua fungsi yang ada kaitan rapat di kesemua langkah projek itu dari mereka melalui perkembangan kepada perlaksanaannya. Langkah seterusnya aktif bagi orang-orang tumpuan selepas perlaksanaannya adalah diharapkan untuk memperolehi faedah penuh dari sistem ini.

Kursus-kursus latihan diadakan dalam bulan Ogos bagi 300 kakitangan dan kursus-kursus mengulangkaji akan diadakan bulan Disember.

Taklimat ringkas kepada pekerja-pekerja mengenai kesan GL+ kepada pekerjaan mereka bersama tekanan tertentu ke atas Charts of Accounts yang baru yang akan digunakan pada 1 Januari. Pertolongan dan latihan tambahan akan diperolehi oleh kesemua pengguna dalam tahun 1985 di dalam bahagian pentadbiran (FAC/6).




DUA orang pengawas tongkang kren Manterek menimang papan peringatan yang dihadiahkan kepada pekerja kren manterek sebagai penghargaan kerana mencapai kejayaan sejuta jam masa bekerja tanpa kemalangan.

## 19 orang terima sijil

SATU majlis penyampaian sijil kepada seramai 19 orang pekerja Perbumi Oil Logistic Services Sendirian Berhad telah diadakan di Pengkalan Muara baru-baru ini.

Sijil-sijil tersebut disampaikan oleh Awang William Britton, Pengurus Pengkalan Syarikat tersebut.

Majlis tersebut merupakan berakhirnya kursus membenteras api yang telah berjalan selama sehari suntuk bagi pekerja-pekerja syarikat tersebut.

Kursus itu telah dijalankan oleh Jabatan Bomba Kerajaan. Para pekerja ini akan menubuhkan pasukan kecemasan di situ.

Hampir kesemua pekerja-pekerja syarikat itu mengikuti kursus tersebut.

Prebumi Oil adalah pemborong kepada Shell Brunei yang bertanggungjawab ke atas operasi serta pentadbiran di pengkalan Muara.

# rtb Intisari minggu ini

## "ANITA"

### tajuk sandiwara minggu ini

ANITA, sebuah sandiwara hasil tulisan A. Mohammad Timbang, Brunei telah dipilih untuk mengisikan ruangan Sandiwara Radio Minggu Ini.

Anita merupakan seorang pelajar yang telah mencapai ke tingkatan enam. Perkembangan pelajarannya berjalan dengan baik semasa abangnya Jamil tinggal bersamanya. Hanya Jamillah tempat Anita mengadu setelah kematian orang tua mereka.

Jamil mendapat tawaran untuk melanjutkan pelajarannya keluar negeri, Anita terpaksa menumpang hidup di rumah teman karib Jamil sendiri, Samsul kebetulan hanya tinggal bersama ibunya Latifah dan dengan sendirinyalah kehadiran Anita di rumah itu mendapat sambutan dari mereka berdua.

Apa yang diharap-harapkan oleh Jamil agar mereka memberikan perhatian mereka kepada adiknya memang dilaksanakan oleh Samsul dan ibunya pada saat-saat awal ia menumpang di rumah mereka. Tetapi setelah beberapa lama, perhatian Latifah, ibu Samsul mulai berubah terhadap Anita.

Anita yang terpaksa membahagi-bahagikan masanya untuk belajar dan membantu kerja-kerja rumah tentu saja sukar untk memenuhi kehendak ibu Samsul, lebih-lebih lagi bila peperiksaannya kian dekat. Tanpa pertimbangan yang sewajarnya, ibu Samsul terus ingin menyerahkan kerja-kerja rumah kepada Anita.

Akibat dari terlalu lelah dan tidak cukup rehat, Anita tiba-tiba jatuh sakit. Apakah yang akan terjadi terhadap Anita seterusnya? Mungkinkah Jamil akhirnya akan mengetahui kedudukan adiknya di rumah Samsul? Ikutilah siarannya pada 23 Disember, 1984 jam 11.30 pagi.

Rancangan ini diterbitkan oleh Salmah Haji Abdul Rahman.





RAMPAISARI telah banyak mengetengahkan kegiatan-kegiatan wanita tempatan kita dalam berbagai bidang kebolehan dan kepandaian tangan.

Di samping itu juga Rampaisari, sebuah rancangan khusus buat kaum wanita kita ini sangat-sangat menghargai atas penyertaan kaum wanita kita yang bermurah hati dan sudi tanpa segan-silu di temubual sama ada dikunjungi ke rumah mereka mahupun dihubungi melalui telefon di rancangan ini.

Atas penyertaan merekalah Rampaisari dapat terus bernafas bersama pendengarnya. Gambar di atas ialah kunjungan Penolong Penerbit Rampaisari, Dayang Salmah Haji Abd Rahman bersama tetamu Rampaisari yang bergiat dalam tenunan kain yang mana akan dapat diikuti siarannya pada 22 Disember jam 10.30 pagi.

*Radio Minggu Ini:*

# RANCANGAN-RANCANGAN SEMASA RADIO

RANCANGAN-rancangan semasa yang disiarkan ke udara pada hari-hari kebelakangan ini memang banyak. Hal ini menunjukkan kepesatan pembangunan negara kita yang menghadapi cabaran-cabaran kemerdekaan, yang akan memasuki tahun keduanya tidak beberapa lama lagi. Radio Brunei pada amalinya menyampaikan maklumat-maklumat berbagai aspek pembangunan kepada masyarakat dalam keadaan yang amat cepat sekali.

Suasana di tingkat lima bangunan RTB, di mana bahagian Perkhidmatan Melayu Radio Brunei ditempatkan, begitu sibuk sekali keadaannya. Lebih lagi di akhir-akhir ini ada-ada saja 'function' atau upacara-upacara dan majlis-majlis yang diadakan di sana-sini di seluruh negara. Keadaan itu menjadikan Penerbit A, Penerbit B hingga ke Penerbit Z berkejar ke sana ke mari dengan mesin perakam tergantung di bahunya. Kerja mereka tidak kira hujan, panas, siang, malam dan kadang-kadang ada kalanya hingga menyubuh hari, terdengar kokok ayam jantan.

Hitung panjang ada berpuluh-puluh jenis upacara-upacara dan majlis-majlis pada setiap bulan, yang mahu minta diambil liputannya di Radio. Di Bandar Seri Begawan saja pada setiap jam ada-ada saja kegiatan-kegiatan yang berjalan. Di Belait dan di Tutong begitu juga. Malahan di Daerah Temburong sekarang ini pun sudah mula sibuk dengan upacara-upacara dan majlis-majlisnya. Inilah tandanya kepesatan pembangunan negara kita di era kemerdekaan.

Menerusi kesibukan-kesibukan berbagai upacara dan majlis itulah rancangan-rancangan semasa di Radio Brunei berjalan tidak henti-hentinya setiap hari. Majalah Radio dan Majalah Perdana umpamanya, sebilang hari memaparkan berbagai-baga kegiatan Kerajaan, terutama kegiatan-kegiatar yang ada hubungannya dengan pembangunan negara dan masyarakat Negara Brunei Darussalam.

Rancangan-rancangan semasa di Radio tersebut bertujuan untuk memberikan maklumat secukupnya kepada masyarakat yang tinggal di bandar, pekan-pekan, kampung-kampung hinggalah yang tinggal di kawasan luar bandar yang terpencil. Rancangan-rancangan semasa tersebut juga kadang-kadang dapat memberikan semacam suatu 'forum' kepada pendengarnya. Mungkin ada pendengar yang menerima bulat-bulat dari ucapan-ucapan yang berapi-api dari Pemimpin A, Pemimpin B atau Pegawai A, Pegawai Z. Atau barangkali ada pendengar yang kebal sedikit. Apa-apa yang didengarnya melalui peti radionya itu ada-ada saja keritiknya, ada-ada saja yang tidak kena dan berbagai-bagai lagi sifat 'kontra' dari pemikirannya. Walau bagaimanapun caranya, kesan yang ditimbulkan dari berbagai-bagai jenis ragam pendengar radio itu dapat menunjukkan 'keberkesanan' radio dalam masyarakat. Jadi, fungsi radio itu sendiri telah berjaya untuk menimbulkan 'feedback' dari pendengarnya.

**Saturday**

**P.M.**

8.00 Melody Time.
8.30 Just A Minute — 292/299.
9.00 Anthony Venture (RB/11/181/972 side 2).
9.30 Top of The Pops — 1047.

**Sunday**

**A.M.**

11.00 In The Psychiatrist's Chair: Nimone Lethbridge — 11/12.
11.30 Practical World
11.45 London This Week

**NOON**

12.00 A Date With ......

**P.M.**

12.45 Review of the Week
1.00 Top of The Pops — 1047 (repeat)
1.30 Weekend Greetings
2.45 "Yes Minister" Episode 5: Doing The Honours.
3.15 Just for variety
8.00 In The Psychiatrist's Chair: Nimone Lethbridge (repeat)
8.30 BBC Science Magazine
9.00 Beautiful Music — 44/60.
9.30 Soundtrack of the Sixties (K842—10 side 1B).
9.30 Sweet and Stylish by [illegible] Davis and Orchestra—11/12.

**Tuesday**

**A.M.**

11.00 The Beatles at Christmas
12.00 Christmas Titbits.
12.45 Holiday Requests: A Live request by telephone prog.

**P.M.**

8.00 Just For You by Jaafar Yaakub
9.00 In Sentimental Mood
9.30 Just For You (continued)

**Daily**

**A.M.**

6.29 Jingle
6.30 Allah Peliharakan Sultan
6.32 Quran and It's Translation
6.45 Berita Perdana followed by Brunei In History, Brunei's AM and Weather Forecast
7.30 Local News with Tide Times
7.35 Brunei's AM (continued)
8.30 Chinese programmes.
11.00 Ladies at Eleven except Fridays and Sundays.

**NOON**

12.00 Lunch Break except Fridays and Sundays.
12.30 News followed by Brunei In History, and Weather Forecast
2.00 Close for morning transmission on Mondays-Thursdays
4.00 Close for morning transmission on Fridays and Sundays

**P.M.**

9.15 News.



RANCANGAN Dari Pendengar Untuk Pendengar di keluaran terakhir bagi tahun 1984 ini awda akan berkesempatan mengikuti lagu-lagu pilihan dari Awang Hassan Zulkiffli yang beralamat No. 70 A Kampong Sungai Kedayan 'A', Negara Brunei Darussalam.

Awang Hassan akan bersama awda sekalian pada hari Selasa 25 Disember jam 4.00 petang.

# RANCANGAN TV MINGGU INI

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.



SIRI Komidi "Only When I Laugh" kembali menemui peminatnya. Gambar atas adalah salah satu adegan yang akan dapat awda saksikan pada hari Ahad kira-kira jam 10.05 malam.

## HARI RABU
## 19 DISEMBER

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 TEETIME AND CLAUDIA
4.45 FRAGGLE ROCK
5.15 DIFF'RENT STROKES
5.40 SUPERFRIENDS
6.00 BERITA AWAL
6.05 SUPERFRIENDS — sambungan
6.18 AZAN MAGHRIB
6.30 TEKA TEPAT

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.20 HART TO HART: 'Silent Dance'
7.33 AZAN ISYAK
7.37 HART TO HART — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 CERAMAH MAULUD
8.45 LIPUTAN NASIONAL
9.15 ...

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.20 TRAUMA CENTER: 'Win or Lose'
7.33 AZAN ISYAK
7.37 TRAUMA CENTER — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 CERAMAH MAULUD
8.45 HIDAYAT
9.15 DUNIA MINGGU INI
9.45 THE AGATHA CHRISTIE HOUR (Siri baru) 'The Fourth Man'
10.35 THREE'S COMPANY: 'A Justice For Jack'
11.05 8TH ASIAN FOOTBALL CUP (Separuh akhir)
1.25 SIARAN TAMAT.

## HARI JUMAAT
## 21 DISEMBER

7.40 AUTOMAN — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 CERAMAH MAULUD
8.45 DARI MIMBAR MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN
8.55 LIPUTAN NASIONAL
9.25 DRAMA SBC: 'Sepanjang Jalan: Bina Badan'
10.10 KNOTS LANDING: 'Second Chance'
11.00 NEWHART: 'The Perfect Match' "Seorang teman lelaki lama Leslie tiba di Stratford. Dia mempunyai perwatakan tampan dan segala-galanya sesuai untuk menawan Leslie"
11.35 HARDCASTLE AND McCORMICK: 'Flying Down To Rio' 'Mark mengekori sekumpulan pembekal senjata ke Kepulauan Carribean, tetapi semua usaha mereka untuk memberkas pembekal senjata tersebut telah mengakibatkan Hardcastle dipenjarakan atas tuduhan menyeludup dadah'.
12.15 HIBURAN: HOT SUMMER NIGHT WITH DONNA SUMMER
1.15 SIARAN TAMAT.

## HARI SABTU
## 22 DISEMBER

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.30 MARINE BOY:
6.00 BERITA AWAL
6.05 WILD AUSTRALIA: 'The Lodger At No. 28' (Siri terakhir)
6.21 AZAN MAGHRIB
6.31 GOING BANANAS: 'Bananas Come Home'

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.20 KNIGHT RIDER: Michael dihamun oleh seorang penjenayah antarabangsa yang tahukan asal-usul Michael kerana tujuan membalas dendam'
7.36 AZAN ISYAK
7.40 KNIGHT RIDER — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 CERAMAH MAULUD
8.45 LIPUTAN NASIONAL
9.15 BINTANG ASLIRAMA (Review)
10.15 TAYANGAN GAMBAR INDONESIA
11.35 TAYANGAN GAMBAR: 'Kung Fu' Seorang sami Budda berketurunan separuh Amerika dan separuh China yang mahir dalam bidang seni mempertahankan diri — seni Kung Fu melarikan diri ke bahagian Barat Amerika sebab diburu dalam tahun 1880an. Pelakon-pelakon: Keith Carradine, Barry Sullivan, David Carradine, dan lain-lain.
12.55 SIARAN TAMAT.

## HARI AHAD
## 23 DISEMBER

PETANG

2.00 PEMBUKAAN
2.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
2.13 SUSUNAN RANCANGAN
2.15 BIG LEAGUE SOCCER
3.10 PINK PANTHER INSPECTOR
3.35 THE JEFFERSONS
3.45 AZAN ASAR
3.50 THE JEFFERSONS — sambungan
4.05 FANTASY ISLAND
4.50 ECONOMIC MADE EASY (Ulangan)
5.05 THE PAPER CHASE: 'Labour of Love'
6.00 BERITA AWAL
6.05 BRITANNICA PHENOMENAL WORLD: 'The Vanishing Marshland'
6.21 AZAN MAGHRIB
6.31 BRITANNICA'S PHENOMENAL WORLD — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.20 SIMON AND SIMON: 'Corpus Delecti'
7.36 AZAN ISYAK
7.40 SIMON AND SIMON — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 CERAMAH MAULUD
8.45 DARI DEWAN RAYA
9.30 JOURNEY IN JAPAN: 'A Woman's Place' (Siri terakhir)
10.05 ONLY WHEN I LAUGH: (Siri baru)
10.25 MASTER OF THE GAME
21.25 TALES OF THE UNEXPECTED: 'There's One Born Every Minute'
12.00 SIARAN TAMAT.

## HARI ISNIN
## 24 DISEMBER

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 THE DUKES OF HAZZARD: 'Boss O' Hogg And The Little People'
5.00 SMURFS
5.30 EXPLORE: 'Land Of The Living Gods'
6.00 BERITA AWAL
6.21 AZAN MAGHRIB
6.31 TEKA TEPAT — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.20 T. J. HOOKER
7.35 AZAN ISYAK
7.39 T. J. HOOKER — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.45 LIPUTAN NASIONAL
9.15 MARI MEMASAK: 'Nasi Madura' Resipinya ada disiarkan di muka lain akhbar ini.
9.35 GIVE US A CLUE
10.05 DOCUMENTARY SPECIAL
10.55 THE JEWELS IN THE CROWN: 'Incident At A Wedding'
12.00 SIARAN TAMAT.

## HARI SELASA
## 25 DISEMBER

PETANG

2.00 PEMBUKAAN
2.02 SUSUNAN DAN MARI KITA BERDOA
2.12 SUSUNAN RANCANGAN
2.25 MUSICAL: 'Rick Springfield In Concert'
3.15 TAYANGAN GAMBAR: 'Little Jungle Boy' 'Sepasang suami isteri pengkaji ilmu kemanusiaan telah diarahkan untuk mencari seorang budak lelaki yang dibesarkan oleh binatang di hutan belantara sebelah Timur."
3.45 AZAN ASAR
3.50 TAYANGAN GAMBAR — sambungan
4.30 LUCKY LUKE
5.00 WORLD OF SURVIVAL: 'Nature's Wings Three Quarters'
5.30 COMEDY: 'The Plank'
6.00 BERITA AWAL
6.05 JOHAN AND PEEWIT
6.21 AZAN MAGHRIB
6.31 ANIMATION: 'Garfield In The Rough'

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.20 THE FALL GUY: "Always Say Always'
7.35 AZAN ISYAK
7.39 THE FALL GUY — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 ARENA SUKAN
9.35 RUMPUN BUDAYA
10.25 DYNASTY
11.25 TAYANGAN GAMBAR: 'Magnum Force'
1.15 SIARAN TAMAT.

# Rancangan Rancangan RADIO

## WAKTU SIARAN:

Siaran Bahagian Melayu Radio Brunei bermula dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam setiap hari.

**SIARAN F.M. STEREO**

92.3 mHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
93.8 mHz bagi kawasan Tutong dan Belait.

**GELOMBANG SEDERHANA**

675 kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
594 kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.

## TIAP-TIAP HARI:

**PAGI**

| | |
|---|---|
| 6.00– 6.02 | Allah Peliharakan Sultan |
| 6.05 | Sinaran Wahyu |
| 6.15 | Pedoman Hidup |
| 6.30 | Membacakan Susunan Rancangan |
| 6.33 | Dendang Suria |
| 7.00 | Dendang Suria |
| 7.10 | Panduan Sukan |

**TENGAH HARI**

| | |
|---|---|
| 11.30–12.45 | Untuk Awda |
| 1.00 | Majalah Radio siaran asal dan ulangan (kecuali hari Jumaat dan Ahad) |

**PETANG**

| | |
|---|---|
| 4.30 | Rampai Petang |
| 6.00 | Menuju Keredaan Allah Siaran langsung menunaikan sembahyang Fardu Maghrib dari Masjid Omar Ali Saifuddin. |

**MALAM**

| | |
|---|---|
| 7.30 | Majalah Radio |
| 10.15 | Bacaan Al-Quran |
| 10.25 | Doa Restu |
| 10.29 | Allah Peliharakan Sultan. |

## WARTA BERITA:

| | | |
|---|---|---|
| 6.45 | pagi | (Berita Perdana) |
| 8.00 | pagi | |
| 10.00 | pagi | |
| 12.45 | tengah hari | |
| 1.30 | tengah hari | (hari Jumaat) |
| 3.00 | petang | |
| 5.30 | petang | (Berita Perdana) |
| 8.00 | malam | |

**MENYIARKAN AZAN:**

Zuhur, Asar, Maghrib dan Isyak.

### HARI RABU 19 DISEMBER

**PAGI:** 9.00—Taman Mekar (SU), 9.30—Pilihan Pendengar, 10.15 — Permintaan Pagi Rabu, 11.15 — Tinjauan.

**TENGAH HARI:** 1.30 — Hiburan Paduan Suara.

**PETANG:** 2.00 — Dunia Wanita (SU), 2.30 —Penyanyi Minggu Ini, 3.15—Lagu-lagu Tanpa Nyanyian, 3.30 — Bahas Sekolah-sekolah (SU), 4.00 — Hiburan Petang, 4.30— Bangsawan Di Udara, 5.00 — Rampai Petang, 5.15 — Sudut Pelita (SU), 5.45— Senandung Senja.

**MALAM:** 7.00 — Titian Budaya (SU), 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Permintaan Sukaramai, 9.15 — Pertandingan Asilrama Peringkat Separuh Akhir '84 siri ke-3.

### HARI KHAMIS 20 DISEMBER

**PAGI:** 9.00 — Sains dan Perusahaan (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Penglipur Lara, 10.30—Permintaan Sukaramai.

**TENGAH HARI:** 1.30 — Senandung Lagu-lagu Lama/Sumbangsih.

**PETANG:** 2.00 — Tetamu Minggu Ini (SU), 2.30 — Fokus, 3.15 — Hiburan Petang, 3.25—Majalah Ugama, 4.00—Drama Dari Novel, 5.45 — Senandung Senja.

**MALAM:** 7.00 — Bacaan Surah Yassin, 8.15 Selingan Irama, 8.30 — Bimbingan Al-Quran, 9.00 — Lagu-lagu Asli, 9.30 — Tafsir Al-Quran.

### HARI JUMAAT 21 DISEMBER

**PAGI:** 9.00 — Majalah Radio (SU), 9.30 — Nada Pedoman, 10.15—Soalan Di Udara, 10.30 — Tafsir Al-Quran (SU), 11.00 — — Mutiara Asli, 11.30 — Bimbingan Al-Quran (SU), 12.00 — Pedoman Hidup, 12.15 — Bacaan Al-Quran, 12.30 — Siaran Langsung Menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat.

**TENGAH HARI:** 1.15 — Selingan Irama, 1.45 — Lagu-lagu Instrumental Melayu.

**PETANG:** 2.00 — Lukisan Masyarakat, 2.30 — Hiburan Petang, 3.25 — Pelajaran Dewasa Di Udara, 4.00 — Permintaan Jiran Tetangga, 4.30 — Dunia Wanita, 5.00 — Hiburan Petang, 5.45 — Suntingan Khutbah Jumaat.

**MALAM:** 7.00 — Cerpen Dan Salukan, 8.15 — Selingan Irama, 8.30 — Majalah Ugama (SU), 9.00 — Alam Remaja (SU), 9.30 — Hiburan Malam.

### HARI SABTU 22 DISEMBER

**PAGI:** 9.00 — Pelajaran Dewasa Di Udara (SU), 9.30 — Hiburan Riang Ria, 9.45 — Soalan Di Udara (SU), 10.15 — Varia Peristiwa (SU), 10.30 — Rampaisari.

**TENGAH HARI:** 1.30 — Lagu-lagu Dari Filem, 2.00—Permintaan Hujung Minggu.

**PETANG:** 3.15 — Hiburan Petang, 3.25 — Cerpen Dan Salukan (SU), 4.00 — Mutiara Asli (SU), 5.45 — Kuliah Ugama.

**MALAM:** 7.00 — Tinjauan (SU), 8.15 — Syair Perlembagaan, 8.30 — Bangsawan di Udara (SU), 9.00 — Permintaan Malam Minggu.

### HARI AHAD 23 DISEMBER

**PAGI:** 9.00 — Taman Mekar, 9.30 — Hiburan Pagi Minggu, 10.15 — Majalah Perdana, 11.00 — Sandiwara Radio, 12.00 — Tahniah dan Ucap Selamat.

**TENGAH HARI:** 1.00 — Permintaan Dua Stesen.

**PETANG:** 2.00 — Serbanika Hiburan, 2.30 — Fokus (SU), 3.15 — Majalah Sukan, 3.45 — Titian Budaya, 4.00 — Senandung Lagu-lagu Lama/Sumbangsih (SU), 5.00 — Tetamu Radio, 5.45—Senandung Senja.

**MALAM:** 7.00 — Seni dan Sastera, 7.15 — Lagu-lagu Selingan, 8.15—Selingan Irama, 8.30 — Suara Perajurit (SU), 9.00 — Drama Dari Novel (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar.

### HARI ISNIN 24 DISEMBER

**PAGI:** 9.00 — Dendang Antarabangsa, 9.30 —Pilihan Pendengar, 10.15—Berdendang Denganku, 10.30 — Sains Dan Perusahaan, 11.00 — Sukma Ria.

**TENGAH HARI:** 1.30—Permintaan Hari Isnin.

**PETANG:** 2.30 — Lukisan Masyarakat (SU), 3.15 — Syair Perlembagaan (SU), 3.30 — Alam Remaja, 4.15 — Ruangan Katani, 5.45 — Senandung Senja, 6.00 — Menuju Keredaan Allah.

**MALAM:** 7.00 — Majalah Sukan (SU), 8.15 — Lagu-lagu Selingan, 8.30 — Kuliah Ugama (SU), 8.45 — Hiburan Malam, 9.00 — Serbanika Hiburan, 9.30 — Kutujukan Lagu.

### HARI SELASA 25 DISEMBER

**PAGI:** 9.00 — Suara Perajurit, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Lagu-lagu Berirama Dangdut, 10.30 — Permintaan Kaum Wanita, 11.00 — Untuk Awda.

**TENGAH HARI:** 1.30—Kusampaikan Salam.

**PETANG:** 2.30 — Varia Peristiwa, 2.45 — Gema Silam, 3.15—Seni dan Sastera (SU), 3.25 — Sukma Ria (SU), 4.00 — Dari Pendengar Untuk Pendengar, 5.45 — Senandung Senja.

**MALAM:** 7.00 — Ruangan Katani (SU), 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Sandiwara Radio (SU), 9.00 — Bahas Sekolah-sekolah, 9.30 — Permintaan Sukaramai.

## RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

### EVENING

#### Wednesday

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | Hello Tomorrow |
| 8.30 | 33rd Cheltenham Festival: Beethoven Sonatas (Prog 2 side 1 of 3 & side 2 of 3). |
| 9.30 | Talking About Music—295. |

#### Thursday

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | International Money Programme |
| 8.15 | Sixty-Minute Theatre: Pantomine Derek Walcot. |
| 9.30 | Mathis in concert with the Gordon Rose Orchestra. |

#### Fridays/Holidays

A.M.

| | |
|---|---|
| 11.00 | Fifteen Minute Theatre: "Taurus" by Sam Smiths. |
| 11.15 | Light Music From The Netherlands — 636. |
| 11.30 | Children's Half Hour |

NOON

| | |
|---|---|
| 22.00 | 1980 Cambridge Folk Festival: Ramblin Jack Elliot — 3/10. |
| 12.45 | My Music — 333/436. |

P.M

| | |
|---|---|
| 1.15 | Book Club: The Hobbit by J.R.R. Tolkien — 14/15. |
| 1.30 | Break for music with Malay traditional songs — 51. |
| 1.45 | Just for variety by continuity announcer. |
| 2.00 | Soundtrack of the Sixties (K842—10 side 2A & 3A). |
| 4.00 | Chinese programmes. |
| 8.00 | The World of Books |
| 8.30 | Thirty-Minute Theatre: The Sky High Dreamer by Sheila Hodgson. |
| 9.00 | Perspective |
| 9.30 | A Date With ...... (repeat) |

#### Saturday

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | Melody Time. |
| 8.30 | Just A Minute — 292/299. |
| 9.00 | Anthony Venture (RB/11/181/972 side 2). |
| 9.30 | Top of The Pops — 1047. |

#### Sunday

A.M.

| | |
|---|---|
| 11.00 | In The Psychiatrist's Chair: Nimone Lethbridge — 11/12. |
| 11.30 | Practical World |
| 11.45 | London This Week |

NOON

| | |
|---|---|
| 12.00 | A Date With ...... |

P.M.

| | |
|---|---|
| 12.45 | Review of the Week |
| 1.00 | Top of The Pops — 1047 (repeat) |
| 1.30 | Weekend Greetings |
| 2.45 | "Yes Minister" Episode 5: Doing The Honours. |
| 3.15 | Just for variety |
| 8.00 | In The Psychiatrist's Chair: Nimone Lethbridge (repeat) |
| 8.30 | BBC Science Magazine |
| 9.00 | Beautiful Music — 44/60. |
| 9.30 | Soundtrack of the Sixties (K842—10 side 1B). |

#### Monday

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | Theatre Forty-Five: Leventhal's Blues by Derrick Buttress. |
| 8.45 | The Guitar Greats: Joe Walsh (side 1 of 2). |
| 9.30 | Sweet and Stylish by James Davis and Orchestra—11/12. |

#### Tuesday

A.M.

| | |
|---|---|
| 11.00 | The Beatles at Christmas |
| 12.00 | Christmas Titbits. |
| 12.45 | Holiday Requests: A Live request by telephone prog. |

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | Just For You by Jaafar Yaakub |
| 9.00 | In Sentimental Mood |
| 9.30 | Just For You (continued) |

#### Daily

A.M.

| | |
|---|---|
| 6.29 | Jingle |
| 6.30 | Allah Peliharakan Sultan |
| 6.32 | Quran and It's Translation |
| 6.45 | Berita Perdana followed by Brunei In History, Brunei's AM and Weather Forecast |
| 7.30 | Local News with Tide Times |
| 7.35 | Brunei's AM (continued) |
| 8.30 | Chinese programmes. |
| 11.00 | Ladies at Eleven except Fridays and Sundays. |

NOON

| | |
|---|---|
| 12.00 | Lunch Break except Fridays and Sundays. |
| 12.30 | News followed by Brunei In History, and Weather Forecast |
| 2.00 | Close for morning transmission on Mondays-Thursdays |
| 4.00 | Close for morning transmission on Fridays and Sundays |

P.M.

| | |
|---|---|
| 9.15 | News. |

# SATERIA GAGAH HARAPAN NEGARA
# ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI



## MASUKILAH KERJAYA TENTERA

**PENGAMBILAN YANG KE-65 SEDANG DIJALANKAN, MENDAFTARLAH BERAMAI-RAMAI, UMUR AWANG ANTARA 17½-25 TAHUN, JIKA AWANG-AWANG BERMINAT DALAM KERJAYA TENTERA, HANTARLAH BORANG INI KEPADA :**

PEGAWAI PENGAMBILAN
ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI
PERKHEMAHAN BOLKIAH
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

NAMA ..................................................

NO. KAD PENGENALAN.................... WARNA..........................

TARIKH LAHIR........................................ UMUR.........................

ALAMAT ..................................................

KELULUSAN ..................................................

NO. TELEFON JIKA ADA ..................................................

TANDATANGAN......................... TARIKH...........................

### TANGGAGAJI PERINGKAT RENDAH ABDB DAN ELAUN-ELAUN YANG LAIN.

**'B' TRADE**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| Rekrut | $ 580.00 | + | $213.00 | = | $ 793.00 |
| Soldadu | $ 625.00 | + | $213.00 | = | $ 838.00 |
| Lance Kopral | $ 655.00 | + | $213.00 | = | $ 868.00 |
| Kopral | $ 765.00 | + | $213.00 | = | $ 978.00 |
| Sarjan | $1,045.00 | + | $213.00 | = | $1,258.00 |
| Staff Sarjan | $1,190.00 | + | $213.00 | = | $1,403.00 |
| Pegawai Warrant II | $1,340.00 | + | $213.00 | = | $1,553.00 |
| Pegawai Warrant I | $1,555.00 | + | $213.00 | = | $1,768.00 |

**'A' TRADE**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| Soldadu | $ 650.00 | + | $213.00 | = | $ 863.00 |
| Lance Kopral | $ 670.00 | + | $213.00 | = | $ 883.00 |
| Kopral | $ 785.00 | + | $213.00 | = | $ 998.00 |
| Sarjan | $1,085.00 | + | $213.00 | = | $1,298.00 |
| Staff Sarjan | $1,215.00 | + | $213.00 | = | $1,428.00 |
| Pegawai Warrant II | $1,375.00 | + | $213.00 | = | $1,588.00 |
| Pegawai Warrant I | $1,595.00 | + | $213.00 | = | $1,808.00 |

**'X' TRADE**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| Soldadu | $ 720.00 | + | $213.00 | = | $ 933.00 |
| Lance Kopral | $ 745.00 | + | $213.00 | = | $ 958.00 |
| Kopral | $ 930.00 | + | $213.00 | = | $1,143.00 |
| Sarjan | $1,420.00 | + | $213.00 | = | $1,633.00 |
| Staff Sarjan | $1,565.00 | + | $213.00 | = | $1,778.00 |
| Pegawai Warrant II | $1,715.00 | + | $213.00 | = | $1,928.00 |
| Pegawai Warrant I | $1,955.00 | + | $213.00 | = | $2,168.00 |

**Elaun-elaun yang lain ialah :**

1. Tambang Cuti Tahunan
2. Pelajaran Anak-Anak
3. Seberang Laut
4. Kursus
5. Pakaian
6. Kenderaan
7. Gangguan
8. Tinggal di luar dan Tanggungan
9. Tambang tiap-tiap 3 tahun.

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## Di Angkatan Bersenjata Diraja Brunei

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Kementerian Pertahanan, Negara Brunei Darussalam.

1. TUKANG KAYU

**Sukatan Gaji**: E. 2-3 EB. 4 — $590-$875 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman**:

a) Pemohon-pemohon hendaklah berumur di antara 18 hingga 45 tahun;

b) Mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja pertukangan kayu tidak kurang dari 3 tahun;

c) Keutamaan akan diberi kepada calon-calon yang boleh membaca dan menyediakan pelan-pelan dan taksiran.

2. TRADESMAN TINGKAT II:

**Sukatan Gaji**: E. 3 EB. 4 — $660-$885 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman**:

I. **Bahagian Peti Sejuk dan Penyaman Udara**

a) Berumur di antara 20 dan 50 tahun.

b) Mestilah mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 2 tahun dalam penyelenggaraan dan memperbaiki alat perkakas peti sejuk dan atau penyaman udara.

c) Mempunyai Sijil City dan Guilds yang sesuai atau kelayakan yang sebanding dengannya adalah merupakan satu kelebihan.

II. **Bahagian Tukang Cat dan Tukang Tulis Cogan Kata**:

a) Berumur di antara 20 dan 50 tahun.

b) Mestilah mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 2 tahun sebagai Tukang Cat dan khususnya sebagai Tukang Tulis Cogan Kata.

c) Calon-calon hendaklah menunjukkan contoh-contoh hasil kerja mereka yang tulen dari sesuatu tempat belajar atau tempat bekerja.

d) Mempunyai Sijil City dan Guilds yang sesuai atau kelayakan yang sebanding dengannya adalah merupakan satu kelebihan.

3. MEKANIK (KENDERAAN)

**Sukatan Gaji**: E. 3 EB. 4 — $660-875 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman**:

Pemohon-pemohon mestilah berumur antara 18 hingga 45 tahun, dan mempunyai sekurang-kurangnya 2 tahun pengalaman bekerja sebagai Mekanik kenderaan bermotor. Mestilah mempunyai lesen memandu yang sah.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 7 Januari, 1985.

Bilangan iklan: E/246/1984 E./54/79

## Sebagai Posmen

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai POSMEN di Jabatan Perkhidmatan Pos, Kementerian Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

**Tanggagaji**: F.2-3-4-5 EB. 6 — $495-$790 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman**:

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 18, hingga 25 tahun dan lulus sekurang-kurangnya Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.

b) Keutamaan akan diberi kepada mereka yang lulus dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris serta boleh membaca tulisan Cina.

c) Kebolehan memandu kereta dan/atau Outboard atau motosikal serta tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu akan diberi keutamaan. Mempunyai lesen memandu Kelas V adalah merupakan satu kelebihan.

d) Bagi pemohon-pemohon yang tidak mempunyai kelayakan di (a) tetapi mempunyai pengalaman bekerja di Pejabat Perkhidmatan Pos sekurang-kurangnya selama tiga tahun akan juga dipertimbangkan.

**Tugas-tugas**:

Bertanggungjawab kepada Ketua Bahagian dalam tugas-tugas penyelenggaraan surat-surat dan bungkusan-bungkusan, seperti isehan, penyerahan, pungutan dan lain-lain tugas yang setanding dengan jawatan Posmen, yang diarahkan oleh Ketua Bahagian sama ada secara memandu kenderaan atau sebaliknya.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 7 Januari, 1985.

(Bil iklan: 245/1984)
(E/322/62).

## PERMOHONAN UNTUK MEMASUKI SEKOLAH MENENGAH INGGERIS KERAJAAN DARI SEKOLAH-SEKOLAH BUKAN KERAJAAN BAGI TAHUN 1985

CALON-calon yang terdiri daripada penuntut-penuntut sepenuh masa yang memenuhi syarat-syarat yang tersebut di bawah ini adalah dipelawa untuk dipertimbangkan bagi memasuki Sekolah-sekolah Menengah Inggeris Kerajaan di Tingkatan I, II, III, IV, V dan VI Bawah bagi Tahun Persekolahan 1985.

Jawatankuasa Dermasiswa adalah bertanggungjawab mengatur dan menentukan di mana seseorang calon yang berjaya dipertimbangkan itu akan ditempatkan iaitu berdasarkan tempat tinggal penjaganya. Pelawaan ini, antaranya, adalah juga tertakluk kepada adanya kekosongan di tingkatan-tingkatan yang dipohonkan.

1. **Syarat-syarat Kemasukan**:

1.1. Sedang belajar di Sekolah Aliran Inggeris sebagai penuntut sepenuh masa.

1.2. Mempunyai kemajuan pelajaran yang baik dan juga memenuhi syarat akademik yang tersebut di bawah ini.

1.2.1. **Bagi Tingkatan I**
Calon-calon mestilah lulus peperiksaan Primary Certificate of Education.

1.2.2. **Bagi Tingkatan II dan III**
Calon-calon bagi Tingkatan II mestilah mempunyai kelulusan peperiksaan Primary Certificate of Education pada darjah yang sepatutnya dan juga lulus peperiksaan Tingkatan I. Bagi Tingkatan III mestilah mempunyai kelulusan peperiksaan Primary Certificate of Education pada darjah yang sepatutnya dan juga lulus peperiksaan Tingkatan II.

1.2.3. **Bagi Tingkatan IV**
Calon-calon mestilah lulus peperiksaan Brunei Junior Certificate of Education atau peperiksaan yang setaraf dengannya pada tahun 1984.

1.2.4. **Bagi Tingkatan V**
Calon-calon mestilah mempunyai kelulusan Brunei Junior Certificate of Education atau peperiksaan yang setaraf dengannya di samping lulus peperiksaan Tingkatan IV pada tahun 1984.

1.2.5. **Bagi Tingkatan VI Bawah**
Calon-calon mestilah lulus peperiksaan Brunei Cambridge pada Peringkat Biasa atau Peperiksaan Awam yang setaraf dengannya pada tahun 1984 dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Pelajaran Brunei bagi memasuki Tingkatan VI Bawah pada tahun 1985.

2. **Tarikh Permohonon**:

2.1. Permohonan bagi Tingkatan I, IV dan VI Bawah mula dibuka masing-masing apabila keputusan peperiksaan Primary Certificate of Education, Brunei Junior Certificate of Education dan Brunei Cambridge pada Peringkat Biasa bagi tahun 1984 diumumkan sementara bagi Tingkatan II, III dan V setelah keputusan peperiksaan sekolah bagi tahun 1984 diumumkan.

2.2. Permohonan bagi Tingkatan I, IV dan VI Bawah ditutup DUA MINGGU selepas tarikh keputusan peperiksaan yang berkaitan diumumkan dan bagi Tingkatan II, III dan V setelah keputusan peperiksaan sekolah bagi tahun 1984 diumumkan.

2.3. Permohonan yang diterima selepas tarikh yang ditetapkan tidak akan dilayan, bagaimanapun pertimbangan khas hanya akan diberikan pada pemohon-pemohon yang mana penjaganya adalah: —

2.3.1. Pegawai Kerajaan Expatriate yang berkontrak atau yang dalam perkhidmatan sebulan ke sebulan yang baharu memulakan perkhidmatan dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.

2.3.2. Pegawai dan Kakitangan Jabatan-Jabatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam sama ada yang dalam perkhidmatan tetap, sebulan ke sebulan, open vote, bergaji hari atau expatriate berkontrak yang diaturkan bertukar kerana tugas dari satu daerah ke daerah yang lain yang mana tidak terdapat sebarang kemudahan untuk meneruskan pelajaran ke sekolah bukan Kerajaan.

3. **Bayaran Sekolah**

Calon-calon yang bukan terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam yang berjaya memasuki Sekolah-sekolah Menengah Inggeris Kerajaan akan dikenakan Bayaran Sekolah iaitu mengikut kadar yang dinyatakan dalam Surat Keliling Jabatan Pelajaran Brunei Bil.: 16/1984 bertarikh 14 Februari, 1984. Calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam adalah dikecualikan daripada dikenakan bayaran ini.

4. **Borang-borang Permohonan**

Borang-borang permohonan boleh didapati daripada: —

Unit Dermasiswa dan Kebajikan
Latihan Dalam Perkhidmatan dan
Bimbingan Bakat Kerja,
Pejabat Pelajaran,
Kementerian Pelajaran dan Kesihatan,
Negara Brunei Darussalam.

Atau
Penyelia Sekolah-sekolah Daerah Tutong,
Pejabat Pelajaran,
Tutong.

Atau
Penyelia Sekolah-sekolah Daerah Belait.
Pejabat Pelajaran,
Kuala Belait.

Atau
Penyelia Sekolah-sekolah Daerah Temburong,
Pejabat Pelajaran,
Temburong.

5. Borang-borang yang sempurna diisikan berserta dengan kesemua sijil-sijil berkaitan hendaklah disahkan oleh Pengetua Sekolah masing-masing sebelum dihadapkan kepada: —

Setiausaha Jawatankuasa Dermasiswa,
Unit Dermasiswa dan Kebajikan,
Latihan Dalam Perkhidmatan dan
Bimbingan Bakat Kerja,
Pejabat Pelajaran,
Kementerian Pelajaran dan Kesihatan,
Negara Brunei Darussalam.

## Di Jabatan Penerbangan Awam

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong di Jabatan Penerbangan Awam, Kementerian Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

1. PENYELIA LANDASAN LAPANGAN TERBANG:

**Sukatan Gaji**: C. 1-2 EB. 3 $1280-$2,270 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman**:

a) Calon-calon mestilah berumur di antara 25 hingga 40 tahun.

b) Lulus sekurang-kurangnya 4 mata pelajaran dalam Peperiksaan S.A.P. Peringkat 'O' atau yang sebanding dengannya.

c) Telah berkhidmat sekurang-kurangnya selama 5 tahun sebagai Pengawas Tingkat Khas di mana-mana Jabatan Kerajaan.

d) Keutamaan akan diberi kepada calon-calon yang mempunyai pengalaman mengawal dan menyelia pekerja-pekerja termasuk juruteknik dan mekanik.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab**:

a) Calon-calon yang terpilih akan bertugas di Bahagian landasan Jabatan Penerbangan Awam dan bertanggungjawab bagi pengurusan kakitangan Bahagian Pemeliharaan Landasan dan perkara-perkara yang bersangkut-paut dengannya.

b) Bersedia untuk menjalankan tugas bagi memenuhi keperluan operasi penerbangan.

c) Sebagai tambahan, Penyelia Landasan juga bertanggungjawab bagi pemeliharaan bangunan-bangunan di dalam dan di sekitar kawasan Lapangan Terbang seperti RBA Hanger, Flight Kitchen dan bangunan-bangunan Navaids.

2. PENYELENGGARA STOR TINGKAT I:

**Tanggagaji**: D. 4 EB. 5 — $1,225-$1,625 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman**:

a) Pemohon-pemohon mestilah lulus Tingkatan II Inggeris atau yang sebanding dengannya.

b) Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya selama 4 tahun dalam kerja-kerja Penyelenggara Stor.

c) Mempunyai pengetahuan dalam mengurus barang-barang stor, alat-alat kelengkapan dan alat-alat ganti yang berbagai bentuk adalah merupakan satu kelebihan.

3. PENYELENGGARA STOR TINGKAT II:

**Kelayakan dan Pengalaman**:

**Tanggagaji**: D. 2 EB. 3-4 $650-$1465 sebulan.

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur tidak kurang daripada 20 tahun dan telah lulus sekurang-kurangnya Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.

b) Bagi calon-calon yang tidak mempunyai kelayakan yang tersebut di atas tetapi telah berkhidmat sebagai Penyelenggara Stor Tingkat III sekurang-kurangnya selama 3 tahun akan juga dipertimbangkan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan - permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Daussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat Lima, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 10 Januari, 1985.

(Bil iklan: 216/1984)
(E/1063/83).

### PEMBERITAHUAN TAWARAN

**BIL.: PPL/183/1984**

Tajuk Kerja: PEMASANGAN ALAT HAWA DINGIN BAGI CADANGAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KUALA BELAIT.

Tarikh tutup: 31 Disember, 1984 jam 12.00 tengah hari.

Cagaran: $300.00.

Kelayakan pemborong: Kelas "A" sahaja (Hawa Dingin)

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-perkhidmatan Bangunan.

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## Sebagai Pemandu Jentera Angkat Susun

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai PEMANDU JENTERA ANGKAT SUSUN di Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan, Kementerian Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

**Sukatan Gaji** : F. 4-5 EB. 6 — $620-$790 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur tidak kurang dari 22 tahun dan mempunyai lesen memandu Kelas III yang sah sekurang-kurangnya selama 2 tahun dan tidak pernah didakwa kesalahan memandu.

b) Mempunyai lesen memandu Kelas V atau 11 (sebelas) dan mempunyai pengalaman memandu jentera angkat susun atau jentera-jentera berat seperti krin-krin, bulldozer atau grader merupakan satu kelebihan.

c) Pemohon-pemohon yang tinggal di kawasan Muara adalah diutamakan. Mereka mestilah bersedia untuk bertugas secara bergilir-gilir.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu laporan sulit dan satu salinan rekod perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 17 Januari, 1985.

(Bilangan iklan : 259/1984) (E/809/74).

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN STOR-STOR DAN PERBEKALAN NEGARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

### BIL. 78/1984

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 7 Januari, 1985 bagi membekalkan perkara di bawah untuk Jabatan Stor dan Perbekalan Negara :

PEMBEKALAN HYDRATED LIME — CA (HO)

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran boleh diperolehi dari Jabatan Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

### BIL. 79/1984

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 7 Januari, 1985 bagi membekalkan perkara di bawah untuk Jabatan Stor dan Perbekalan Negara :

PEMBEKALAN SODA ASH GRANULAR (SODIUM CARBONATE) 1 CWT BAG 50 KILO PER BAG.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran boleh diperolehi dari Jabatan Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

### BIL. 80/1984

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 7 Januari, 1985 bagi membekalkan perkara di bawah untuk Jabatan Stor dan Perbekalan Negara :

PEMBEKALAN PERSPEX SHEET CLEAR BERJENIS-JENIS UKURAN.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran boleh diperolehi dari Jabatan Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

## JABATAN POLIS DIRAJA BRUNEI TAWARAN RESTAURANT STADIUM HASSANAL BOLKIAH GADONG IBU PEJABAT POLIS DIRAJA BRUNEI, GADONG

TAWARAN adalah dipelawa dari pemohon-pemohon tempatan untuk menguruskan sebuah Festaurant di Bangunan Stadium Hassanal Bolkiah Gadong, Negara Brunei Darussalam.

1) Borang tawaran dan penerangan lanjut boleh didapati di Ibu Pejabat Polis Diraja Brunei, Gadong pada tiap-tiap hari bekerja 8.00 pagi hingga 4.00 petang dari Setiausaha Majlis Kebajikan dan Sukan Polis Diraja Brunei.

2) Borang tawaran hendaklah disertakan dengan kenyataan yang telah lalu dan kerja penyajian yang pernah dibuat serta senarai makanan, minuman dan jenis masakan yang akan dijual termasuk harganya.

3) Segala tawaran hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Majlis Kebajikan dan Sukan Polis Diraja Brunei, Ibu Pejabat Polis, Gadong dan sampul surat itu mestilah ditutup rapi dengan tidak menaruh tanda-tanda atau nama pengirim kecuali dengan perkataan berikut:—

TENDER RESTAURANT STADIUM HASSANAL BOLKIAH GADONG.

4) Tawaran ini akan ditutup pada hari Isnin 31 Disember, 1984 jam 12.00 tengah hari.

5) Majlis Sukan Polis tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

## TAWARAN JABATAN KERJA RAYA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

### BIL: 423 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk :

PROJEK No. : 36/10
KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA SEKOLAH MELAYU LIMAU MANIS, JALAN LIMAU MANIS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 20 Disember, 1984.

Tarikh tutup : 24 Disember, 1984.
Cagaran tawaran : $100.00.

### BIL: 424 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk :

PROJEK No.: 36/10
KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA SEKOLAH MELAYU LAYONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 20 Disember, 1984.

Tarikh tutup : 24 Disember, 1984.
Cagaran tawaran : $100.00.

### BIL: 425 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk :

PROJEK No.: 84AW/002
MEMASANG PAIP AIR 8" A.C. SEPANJANG JALAN TUTONG DARI KILANAS HINGGA SENGKURONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 20 Disember, 1984.

Tarikh tutup : 24 Disember, 1984.
Cagaran tawaran : $200.00 + $100.00 (lukisan)

### BIL: 426 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk :

PROJEK No.: AD406/0601
MEMBEKAL DAN MEMASANG KERJA-KERJA PARIT (SOIL DRAINAGE) BAGI SEKOLAH MENENGAH DAERAH BELAIT, NEGARA BRUNEI DARURSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Akitek Bersatu, Tingkat Tiga, 148, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 27 Disember, 1984.

Tarikh tutup : 31 Disember, 1984.
Cagaran tawaran : $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 427 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas (Pemborong Elektrik) untuk :

PROJEK No. : AD416/040101
PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK CADANGAN SKIM SALURAN NAJIS PEKAN MUARA, PERINGKAT 1, MUARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Associated Consultants Pte Ltd, No. F11, Kompleks Seri Temasek, Kompleks Membeli-belah Seri, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 3 Januari, 1985.

Tarikh tutup : 7 Januari, 1985.
Cagaran tawaran : $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 428 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas (Pemborong Elektrik) untuk :

PROJEK No. : AD409/0701
LAMPU-LAMPU TIANG TINGGI DAN KAWALAN BAGI CADANGAN PEMBESARAN PELABUHAN MUARA, DI MUARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Associated Consultants Pte Ltd, No. F11, Kompleks Seri Temasek, Kompleks Membeli-belah Seri, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 27 Disember, 1984.

Tarikh tutup : 31 Disember, 1984.
Cagaran tawaran · $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 429 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja untuk :

PROJEK No. : AD426/3401
PEMBINAAN 11 BLOK 2 UNIT PERUMAHAN KELAS 'G' DI PERKHEMAHAN ANGKATAN BERSENJATA DiRAJA BRUNEI, PENANJONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 20 Disember, 1984.

Tarikh tutup : 24 Disember, 1984.
Cagaran tawaran : $1,000.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 430 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong Kelas "A" (Pemborong Kejuruteraan Awam) untuk :

PROJEK No. : AW/417/0501
BEKALAN AIR DAERAH TEMBURONG — PEMBESARAN KONTRAK No.: 60 PERINGKAT KEDUA — PEMBESARAN KERJA-KERJA PEMELIHARAAN, STESEN PENGEPAM DAN PERKHIDMATAN PENYIMPANAN AIR — KERJA-KERJA AWAM, LOJI PEMELIHARAAN DAN LOJI PENGEPAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Watson Hawksley Asia, Bilik No. 11, Tingkat Satu, Bangunan Tang Ching Ying, Batu 2, Jalan Gadong, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam hingga jam petang hari Khamis 14 Februari, 1985.

Tarikh tutup : 18 Februari, 1985.
Cagaran tawaran : $5,000.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 431 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk :

PROJEK No.: 84AB/JPK018 & 84AB/JPK019
PEMBINAAN PEJABAT BAGI PEGAWAI JURURAWAT DAN BILIK KAD, RUMAH SAKIT DAERAH TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 27 Disember, 1984.

Tarikh tutup : 31 Disember, 1984.
Cagaran tawaran : $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 432 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja untuk :

PROJEK No. AD/432/1901
PEMBINAAN SEBUAH BILIK KAWALAN, BALAI BOMBA, MENARA DRILL DAN PONDOK PEMERIKSAAN KESELAMATAN DAN LAIN-LAIN DI KEM PENANJONG, ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 27 Disember, 1984.

Tarikh tutup : 31 Disember, 1984.
Cagaran tawaran : $1,000.00 + $100.00 (lukisan).

### SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. *TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang terletak di Pejabat Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin (pada tarikh yang ditetapkan).*
2. *Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.*
3. *Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama Projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.*
4. *Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, di Airport Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.*
5. *Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).*
6. *Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas ditetapkan.*
7. *Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.*
8. *Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.*

## Skim Anugerah Pemborong Bumiputera Terbaik bagi Tahun 1984

Dimaklumkan kepada Pemborong-pemborong Bumiputera yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya di Kelas A, AX, B dan C bahawa pencalonan bagi skim di atas mula diterima oleh Penasihat Perniagaan Jabatan Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam.

**Syarat-syarat Skim**

1) Pemborong - pemborong yang akan mengikut skim ini mestilah berdaftar di Jabatan Kerja Raya.

2) Pemborong - pemborong mestilah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.

3) Kerja-kerja yang dicalonkan mestilah dikerjakan di tahun 1984 atau disiapkan sebelum pertengahan tahun 1985.

Borang-borang pencalonan bolehlah didapati dari Unit Penasihat Perniagaan, Jabatan Kerja Raya dan mestilah dikembalikan sebelum 15 Januari, 1985.

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## SEBAGAI TRADESMAN TINGKAT I

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai TRADESMAN TINGKAT I di Jabatan Bandaran, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

**Tanggagaji**: E. 1-2-3 EB. 4 — $515-$875 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon-pemohon mestilah lulus sekurang-kurangnya Tingkatan Dua Sekolah Melayu atau yang sebanding dengannya.

b) Telah berkhidmat dengan Kerajaan sekurang-kurangnya 5 tahun dan mempunyai pengalaman dalam pekerjaan sebagai Mekanik Enjin yang menggunakan minyak petrol dan diesel.

c) Pemohon-pemohon yang mempunyai Sijil Kelulusan Teknikal adalah satu kelebihan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 17 Januari, 1985.

Bilangan iklan: 262/84.
(E/436/72)

## Sebagai Pemandu Tingkat II

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai PEMANDU TINGKAT II di Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, Kementerian, Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

**Tanggagaji**: F. 2-3-4 EB. 5 — $495-$700 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 20 hingga 40 tahun dan hendaklah tahu menulis dan membaca dalam Bahasa Melayu.

b) Mereka mestilah pemandu-pemandu yang berpengalaman dan mempunyai lesen memandu Kelas III yang sah serta tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu dan boleh membaiki kerosakan-kerosakan kecil.

c) Mempunyai lesen memandu Kelas V dan Kelas 11 (sebelas) adalah merupakan satu kelebihan.

d) Mempunyai pengalamaan menmandu semua jenis kenderaan merupakan satu kelebihan.

**Tugas-tugas**

Calon-calon yang berjaya mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerajaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift). Calon-calon yang berjaya hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana saja di dalam Negara Brunei Darussalam.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu laporan sulit dan satu salinan rekod perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan - permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 17 Januari, 1985.

(Bilangan iklan : 263/1984)
(E/990/74).

## Sebagai Penjaga Malam

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai PENJAGA MALAM di Jabatan Telekom, Kementerian Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

**Tanggagaji**: F.1-2-3 EB.4 — $445-$650 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 20 hingga 45 tahun.

b) Hendaklah tahu menulis dan membaca.

c) Pemohon-pemohon yang berumur lebih daripada 45 tahun dan mereka yang telah bersara boleh juga memohon untuk dipertimbangkan.

d) Pemohon-pemohon yang tinggal di kawasan-kawasan yang berdekatan dan pernah bekerja secara bergaji hari adalah diutamakan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 17 Januari, 1985.

(Bilangan iklan : 261/1984)
(E/70/80).

## Sebagai Pegawai Perakaunan dan Bank

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai PEGAWAI PERAKAUNAN DAN BANK di Lembaga Matawang Negara Brunei Darussalam, Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Kewangan, Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam.

**Tanggagaji**: B.2 — $2270-$3760 sebulan.

ATAU

B. 2 EB. 3 — $2270-$4240 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Mereka yang mempunyai Ijazah Ekonomi atau Perdagangan atau lulus pepeperiksaan akhir dari sesebuah Badan Akauntansi yang diiktiraf atau dari Institute of Bankers. Pengetahuan dalam dua aliran bahasa iaitu Bahasa Melayu dan Inggeris adalah satu kelebihan.

ATAU

b) Pemohon-pemohon yang tidak memiliki kelulusan di atas tetapi mempunyai kelulusan HND dan telah berkhidmat sekurang-kurangnya lima tahun dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dalam jurusan perakaunan juga dipertimbangkan. Selain dari itu seseorang pemohon itu hendaklah mempunyai pengetahuan dalam tugas-tugas mengenai urusan-urusan bank perdagangan.

**Tugas-tugas :**

Pemegang jawatan ini akan bertanggungjawab secara langsung kepada Setiausaha, Lembaga Matawang Negara Brunei Darussalam bagi kerja-kerja pengurusan simpanan stok matawang, perakaunan Lembaga dan menjalankan tugas-tugas yang bersangkut-paut dengan undang-undang Bank, Syarikat-syarikat kewangan dan kawalan Pertukaran Matawang Asing. Calon-calon yang berjaya mestilah bersedia untuk bertugas di luar masa bekerja biasa apabila diperlukan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 21 Januari, 1985.

(Bilangan iklan : 251/1984)
(E/2693/84).

## PEMBERITAHUAN TAWARAN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

Syarat-syarat Tawaran

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran terletak di Lembaga Tawaran Negara Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 14 Januari, 1985.
2. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Procurement, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Bolkiah Kem, semasa hari-hari bekerja (0730-12.30 dan 1400-1630 tiap-tiap hari Isnin hingga Khamis, 0730-1130 tiap-tiap hari Jumaat).
3. Contoh-contoh, katalog-katalog atau risalah-risalah adalah dikehendaki dan mestilah dihantar kepada Pejabat Procurement, Bolkiah Kem, ABDB, tidak lewat 3 hari selepas tarikh tawaran ditutup. Gambar-gambar biasa tidak akan dilayan.
4. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya.
5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana tawaran.

BIL.: PROC/T/1/1985
MEMBEKAL : INFLATABLE LIFE PRESERVER.
Cagaran : $200.00.

BIL.: PROC/T/2/1985
MEMBEKAL : MOTHER BOARD.
Cagaran : $300.00.

BIL.: PROC/T/3/1985
MEMBEKAL : DIESEL ENGINE 220.
Cagaran : $300.00.

BIL.: PROC/T/4/1985
MEMBEKAL : DECCA RADAR MODULATOR.
Cagaran : $300.00.

BIL.: PROC/T/5/1985
MEMBEKAL : FIN INDICATOR.
Cagaran : $300.00.

BIL.: PROC/T/6/1985
MEMBEKAL : BATTERY NICAD 5 VOLT.
Cagaran : $200.00.

BIL.: PROC/T/7/1985
MEMBEKAL : AIRCRAFT WEIGHING KIT.
Cagaran : $500.00.

BIL.: PROC/T/8/1985
MEMBEKAL : LOWERING LINK.
Cagaran : $300.00.

BIL.: PROC/T/9/1985
MEMBEKAL : RESETTING TRANSMITTER.
Cagaran : $400.00.

BIL.: PROC/T/10/1985
MEMBEKAL : PUBLIC ADDRESS SYSTEM.
Cagaran : $300.00.

BIL.: PROC/T/11/1985
MEMBEKAL : NEOTRONIC AND TOXIC MONITOR.
Cagaran : $200.00.

BIL.: PROC/T/12/1985
MEMBEKAL : TRAILER CARGO 3/4 TON.
Cagaran : $300.00.

BIL.: PROC/T/13/1985
MEMBEKAL : BUKU-BUKU BAHASA MELAYU.
Cagaran : $300.00.

## INSPEKTOR-INSPEKTOR PERCUBAAN POLIS DIRAJA BRUNEI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada pemuda-pemuda yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan untuk memenuhi beberapa jawatan kosong sebagai Inspektor dalam Pasukan Polis Diraja Brunei.

**Kelayakan-kelayakan**

(a) Berumur di antara 19 dan 26 tahun.
(b) Pemohon-pemohon mestilah lulus sekurang-kurangnya Sijil Pelajaran Am Brunei Cambridge Certificate of Education peringkat 'O'.
(c) Tinggi sekurang-kurangnya 5′ 4″.
(d) Sukatan dada yang tidak dikembangkan sekurang-kurang 34 inci.
(e) Mempunyai badan yang sihat.

Calon-calon yang diterima akan menjalani latihan asas Pegawai Kadet selama lapan bulan. Setelah lulus menjalani latihan Pegawai Kadet, mereka akan memegang Pangkat Inspektor dalam percubaan dan mereka akan ditempatkan di bahagian-bahagian Cawangan Polis bagi mendapatkan pengalaman dalam kerjaya polis. Mereka akan juga dihantar untuk menghadiri kursus-kursus di seberang laut setelah menamatkan satu tempoh percubaan.

**Gaji**

**Tanggagaji Pegawai Kadet** (Inspektor Percubaan): $1025.00 hingga $1615.00 + ($186.00 elaun catuan semasa dalam latihan).

**Inspektor**
$1795.00 hingga $2360.00 + $100.00 P. elaun.

**Inspektor Kanan**
$2135.00 hingga $3080.00 + $100.00 P. elaun.

**Ketua Inspektor**
$2800.00 hingga $3240.00 + $100.00 P. elaun.

Pemuda-pemuda yang berminat dalam jawatan itu adalah dipersilakan hadir ke Stadium Hassanal Bolkiah, Gadong pada hari Jumaat 4 Januari dan hari Ahad 6 Januari, 1985 untuk mendapat borang-borang permohonan dan seterusnya akan ditemuduga oleh Pegawai-pegawai Pengambilan pada masa-masa yang berikut :

0800 — 1200 jam
1400 — 1600 jam.

Pemohon-pemohon hendaklah membawa Kad Pengenalan dan Sijil-sijil Persekolahan.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PELAJARAN KEMENTERIAN PELAJARAN DAN KESIHATAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 31 Disember, 1984.
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama Perkara/Projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Pelajaran, di Airport Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
6. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong bagi :

MEMBEKAL ALAT-ALAT DAN KELENGKAPAN UNTUK SEKOLAH MENENGAH BANGAR, TEMBURONG.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh diperolehi di Bahagian Pentadbiran, Pejabat Pelajaran, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 29 Disember, 1984.

Cagaran tawaran $500.00.

# KEBERANGKATAN D.Y.M.M. KE NEGARA-NEGARA TIMUR TENGAH

Dari muka 1

Yang Maha Mulia Sultan Qaboos telah menganugerahkan Bintang Order of Oman Darjah Pertama kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam sementara Baginda Yang Dipertuan pula menganugerahkan Bintang Kerabat Diraja (DK) kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Qaboos.

Di sebelah malamnya Duli Yang Maha Mulia Sultan Qaboos telah meraikan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam majlis Persantapan Malam Kenegaraan di Dewan Wal-Wajat di Istana Al-Alam.

Di majlis tersebut, di samping beramah mesra, Baginda berdua juga telah memperkenalkan ahli-ahli kerabat Diraja dan pegawai-pegawai kanan masing-masing yang turut berangkat dan hadir di majlis yang paling gilang-gemilang itu.

Sementara Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam diraikan dalam majlis jamuan persantapan yang berasingan khusus untuk kaum wanita yang juga diadakan di bahagian lain Istana Al-Alam yang diberikan oleh masyarakat wanita Oman.

Di hari kedua lawatan negara itu, kedua pemimpin negara itu telah mengadakan perundingan khas di Bilik Persidangan Istana Al-Alam. Perundingan itu meliputi rundingan dua hala yang antara lain membincangkan aspek-aspek perhubungan dan kerjasama.

Di sebelah petangnya pula Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan rombongan dengan disertai oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Qaboos telah berangkat ke Sohar, sebuah bandar raya yang jauhnya kira-kira 300 km dari ibu negara Oman, Muscat.

Dalam perjalanan tersebut, rombongan Diraja itu telah singgah di Bahjat Al-Anjar Farm, sebuah ladang pokok-pokok kurma dan buah-buahan yang indah dan santap tengah hari di sana.

Dari sini rombongan Kebawah Duli Yang Maha Mulia itu meneruskan perjalanan ke Sohar untuk menyaksikan perlumbaan unta di satu kawasan berhadapan dengan Sohar Fort.

Selesai menyaksikan perlumbaan unta yang menarik di Sohar, Baginda berdua dan rombongan Diraja berangkat balik ke Istana Al-Alam dengan menaiki pesawat helikopter.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam berangkat meninggalkan Oman pada 17 Disember setelah lawatan negara tiga hari.

Berangkat ke lapangan terbang untuk mengucapkan selamat berangkat kepada Baginda Yang Dipertuan dan rombongan Diraja ialah Duli Yang Maha Mulia Sultan Qaboos, Menteri-Menteri Kabinet Oman pegawai-pegawai kanan kerajaan dan diplomat-diplomat asing juga hadir.

Dari Oman Kebawah Duli Yang Maha Mulia berangkat ke Mesir untuk melakukan lawatan negara selama tiga hari.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan rombongan Diraja kini sedang dalam lawatan negara ke Jordan untuk mengakhiri rangka lawatan ke Negara Timur Tengah.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Maha Mulia Sultan Qaboos beramah mesra sejurus sebelum Majlis Persantapan Negara di Istana Al-Alam.

# Hubungan dgn. Rep. Korea erat

Dari muka 1

Tenggara," sabda Duli Yang Teramat Mulia, "Ia adalah perlu diberi perhatian segera agar satu penyelesaian politik yang dapat diterima oleh semua pihak berkenaan mesti diperolehi.

Mengenai hubungan antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik Korea, Duli Yang Teramat Mulia bersabda, perhubungan itu adalah sentiasa erat dan mesra serta terus diperkukuhkan dan memperlihatkan perkembangan yang lebih positif dalam berbagai bidang, terutama dalam usaha-usaha pembangunan negara ini.

"Penyertaan firma-firma Korea dalam melaksanakan projek-projek pembangunan di Brunei Darussalam merupakan bukti nyata hasil perkembangan kerjasama di antara kedua buah negara kita," sabda Duli Yang Teramat Mulia.

Menurut Duli Yang Teramat Mulia, jumlah perdagangan antara kedua negara juga semakin meningkat sejak beberapa tahun meskipun masih banyak ruang lebih luas untuk memperbaikinya.

"Saya percaya bahawa kita dapat memandang ke hadapan dengan penuh yakin bahawa hubungan yang sihat serta mesra ini akan diteruskan," sabda Duli Yang Teramat Mulia.

Duli Yang Teramat Mulia seterusnya melahirkan rasa tertarik hati dengan keazaman yang dimiliki oleh rakyat Republik Korea dalam menghadapi masa depan.

"Saya berharap cita-cita rakyat Korea bagi penyatuan Korea suatu hari nanti akan berjaya dan dapat dicapai dengan cara aman melalui perbincangan-perbincangan secara langsung di antara Korea Selatan dan Utara. Saya penuh percaya penyatuan semula yang sedemikian akan dapat mengurangkan lagi ketegangan serta mengekalkan keamanan di rantau ini," sabda Duli Yang Teramat Mulia.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah kini berada di Sana, ibu negara Yamen Utara untuk menghadiri sidang Pertubuhan Persidangan Islam.

Duli Yang Teramat Mulia yang diiringi oleh Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Zariah berangkat meninggalkan negara ini pada hari Ahad lepas.

Berangkat ke Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas untuk mengucapkan selamat berangkat ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan lain-lain kerabat Diraja.

Gambar atas kelihatan YDM Pehin Tuan Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Abdul Aziz ketika membaca doa selamat sejurus sebelum keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia itu.

# Borang pendaftaran naik haji mula diedarkan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Borang-borang pendaftaran untuk menunaikan fardu haji bagi musim haji tahun 1405/1985 sedang diedarkan. Bagaimanapun tarikh bagi menerima pendaftaran akan dimaklumkan melalui radio dan televisyen Brunei.

Borang-borang permohonan boleh didapati dari Bahagian Urusan Hal Ehwal Haji, Jabatan Hal Ehwal Ugama Bandar Seri Begawan dan Pejabat-Pejabat Hal Ehwal Ugama di Daerah Belait, Tutong dan Temburong.

Menurut Surat Keliling Jabatan berkenaan, seseorang bakal haji boleh mendaftar di mana-mana daerah pendaftaran yang disukainya dengan syarat tidak lebih dari satu pendaftaran bagi tiap-tiap seorang bakal haji. Jika seorang itu mendaftar lebih dari satu tempat pendaftaran, maka semua pendaftarannya dikira batal dan dia dikehendaki mendaftar semula.

Tiap-tiap seorang hanya dibenarkan mendaftar tidak lebih daripada 10 orang bakal haji dalam satu pendaftaran dan hanya pendaftaran yang menggunakan borang pendaftaran menunaikan fardu haji yang dikeluarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama yang diisi dengan lengkap dan sempurna sahaja diterima.

Pemohon-pemohon hendaklah terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Pendaftaran bagi mereka yang bukan rakyat negara ini akan diterima jika mereka membawa surat kebenaran bertulis daripada pihak yang berkenaan negara mereka masing-masing.

Adalah diingatkan semua borang pendaftaran yang disampaikan dan diterima oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama tidaklah semestinya orang yang mendaftar itu dilayani, bahkan adalah sentiasa tertakluk kepada peraturan-peraturan yang ditentukan atau yang ditetapkan dari semasa kesemasa.

# 29 pegawai hadiri seminar

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seramai 29 orang pegawai kanan dari beberapa buah jabatan Kerajaan kini mengikuti seminar mengenai pencegahan dan memperbaiki sikap kurang baik di kalangan kakitangan. Seminar tiga hari itu diadakan di Bilik Mesyuarat Pejabat Perjawatan.

Seminar yang dianjurkan oleh Unit Latihan Jabatan Perjawatan itu diselenggarakan oleh dua penceramah seorang pakar perunding dari Kanada, Professor Dean Tjosvold dari University Simon Fraser dan Dr Roger Gill dari Singapura.



ASEAN RALLY kali ke IX berakhir di Stadium Negara Hassanal Bolkiah pada pagi Sabtu lepas setelah Bill Cook dan rakannya Jeffrey Tan memandu Kereta Toyota Corolla GT mencatatkan kemenangannya di antara 24 peserta yang sampai ke garisan penamat setelah menamatkan perlumbaan mereka sejauh 2,500 kilometer.

Mengalu-alukan para peserta pada hari itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah yang kemudiannya dijunjung untuk diperkenalkan kepada para peserta yang mengambil bahagian oleh Yang Dipertua Persatuan Automobil Negara Brunei Darussalam Awang Osman Haji Omar (gambar atas).

Sementara pada sebelah malamnya penyampaian hadiah-hadiah kepada pemenang-pemenang dalam perlumbaan tersebut telah diadakan di Restoran Cafeteria Stadium Negara Hassanal Bolkiah. Majlis tersebut disempurnakan oleh D.Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah.

Turut berangkat di majlis itu ialah YAM Pengiran Bini Ruhaizah. Turut hadir ialah Ketua Menteri Sarawak, YAB Datu Petinggi Haji Abdul Talib Mahmud, YAB Gabenor Pontianak, Menteri Kehutanan dan Tugas-Tugas Khas, Menteri Pertanian dan Pembangunan Sarawak dan beberapa orang kenamaan Indonesia.

Diterbitkan oleh Pejabat Penerangan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan Kementerian Undang-Undang Negara Brunei Darussalam.